



پلیتا برونئی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

MANISNYA IMAN ایمان

"DAN ingatlah wahai Muhammad, ketika Kami mengambil janji setia dengan Bani Israil dengan berfirman : "Janganlah kamu menyembah selainku Allah, dan berbuat baiklah kepada ibu bapa".
- Firman Allah Subhanahu Wata'alá dalam Surah Al-Baqarah, ayat 38.

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.40 SUBUH 4.50 SYURUK 6.08 DUHA 6.30 ZUHUR 12.11 ASAR 3.23 MAGHRIB 6.12 ISYAK 7.21 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 119

2 OKTOBER 2024 / 1446

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

28

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU PERCUMA

INOVASI, TEKNOLOGI KUNCI UTAMA MATLAMAT PERKHIDMATAN AWAM

Oleh : Wan Mohamad Sahran
Wan Ahmad

BERAKAS, Isnin, 30 September.
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, inovasi dan teknologi adalah merupakan kunci utama ke arah mencapai matlamat Perkhidmatan Awam.

Melalui teknologi canggih dan pendekatan inovatif, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menjelaskan, kita tidak hanya meningkatkan efisiensi dan kualiti perkhidmatan tetapi juga memastikan bahawa setiap yang berkenaan mendapat pengalaman yang sempurna.

"Dengan teknologi terkini seperti sistem data besar, Kecerdasan Buatan dan aplikasi mudah alih, kita akan dapat merumuskan strategi yang lebih baik, meramalkan keperluan masyarakat dengan lebih tepat dan menyampaikan perkhidmatan dengan lebih berkesan."



>> Muka 3

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-31, 2024. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

Perutusan tahniah atas pelantikan PM Jepun



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Shigeru Ishiba atas pelantikannya sebagai Perdana Menteri Jepun berikut dengan kemenangannya dalam Parti Liberal Demokratik baru-baru ini.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Shigeru Ishiba.



Berita Utama



AL-QURAN jadi panduan dalam mengurus gejala kesihatan mental

Muka 7




BIBD Connects : Menyediakan kemudahan moden untuk perusahaan tempatan

Muka 10



KE arah melahirkan pemimpin yang berkeyakinan, berwibawa

Muka 18



RENCANA
MENGHADAPI generasi digital dalam dunia pendidikan

Muka 21

BERKENAN HANTAR TITAH PERUTUSAN TAHNIAH



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping dan Premier of the State Council, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Li Qiang serta kerajaan dan rakyat Republik Rakyat China sempena dengan Ulang Tahun Ke-75 Pengasasan Republik Rakyat China.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping dan Premier of the State Council, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Li Qiang.

Waspada terhadap penyalahgunaan nama, logo BDCB

Siaran Akbar : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Oktober. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah mengambil perhatian mengenai imej sijil 'Shariah Compliant Banking Certificate' yang kononnya dikeluarkan oleh BDCB dan memperakui pemerbadanan sebuah syarikat di Brunei Darussalam.

Sehubungan dengan ini, BDCB ingin mengesahkan bahawa sijil tersebut adalah palsu dan tidak dikeluarkan oleh BDCB.

BDCB menyarankan kepada orang ramai untuk sentiasa berwaspada terhadap penyalahgunaan nama dan logo BDCB untuk tujuan memperdaya orang ramai.

Pihak BDCB juga ingin menekankan bahawa sesiapa yang menggunakan nama, simbol, reka bentuk atau gambaran BDCB tanpa kebenaran bertulis atau menggunakan nama, simbol, reka bentuk atau gambaran BDCB yang serupa atau menyerupai nama, simbol, reka bentuk atau gambaran BDCB yang bertujuan sama ada untuk memperdaya, menipu, menyebabkan kekeliruan atau

berkemungkinan untuk memperdaya, menipu, atau menyebabkan kekeliruan adalah merupakan kesalahan di bawah Bab 74A Perintah Brunei Darussalam Central Bank, 2010, dan jika sabit kesalahan, boleh dihukum denda tidak melebihi BND20,000, penjara tidak melebihi tujuh tahun, atau kedua-duanya sekali.

>> Muka 8

Oktober MASIHI	HARI	Rabiuulawal HIJRAH	WAKTU SEMBAHYANG							
			IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
2	RABU	28	4.40	4.50	6.08	6.30	12.11	3.23	6.12	7.21
3	KHAMIS	29	4.40	4.50	6.07	6.30	12.10	3.23	6.11	7.20
4	JUMAAT	30	4.40	4.50	6.07	6.29	12.10	3.23	6.11	7.20
5	SABTU	1 Rabiulakhir	4.40	4.50	6.07	6.29	12.10	3.23	6.10	7.19
6	AHAD	2	4.40	4.50	6.07	6.29	12.09	3.23	6.10	7.19
7	ISNIN	3	4.39	4.49	6.07	6.29	12.09	3.23	6.10	7.19
8	SELASA	4	4.39	4.49	6.06	6.29	12.09	3.23	6.09	7.18

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU Bandar Seri Begawan	KHAMIS	JUMAAT
31 25 °C 	31 25 °C 	31 25 °C
Pekan Bangar		
31 25 °C 	31 25 °C 	31 25 °C
Pekan Tutong		
31 25 °C 	31 25 °C 	31 25 °C
Kuala Belait		
31 25 °C 	31 25 °C 	31 25 °C

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.met.gov.bn

SIDANG PENGARANG 2 OKTOBER 2024

Kemahiran asas pertolongan cemas

SESIAPAPUN mungkin akan ditimpah kecederaan tidak kira di mana dan pada bila-bila masa sahaja. Dengan menggunakan teknik pertolongan cemas, kita mungkin dapat menghentikan kecelakaan kecil daripada menjadi teruk.

Dalam kes kecemasan perubatan yang serius, awda mungkin dapat selamatkan nyawa. Ini tujuan pertolongan cemas dilakukan, jadi, penting untuk kita semua belajar kemahiran asas pertolongan cemas.

Apabila awda menyediakan rawatan perubatan asas kepada seseorang yang mengalami kecederaan atau sakit secara tiba-tiba, ia dikenali sebagai pertolongan cemas.

Dalam sesetengah kes, pertolongan cemas bermaksud sokongan awal yang diberikan kepada seseorang di antara (masa pertengahan) kecemasan perubatan. Sokongan ini mungkin dapat membantu mereka bertahan sehingga bantuan profesional tiba.

Dalam kes-kes lain, tujuan pertolongan cemas adalah terdiri daripada penjagaan yang diberikan kepada seseorang yang mengalami kecederaan kecil. Contohnya, tujuan pertolongan cemas sering sekali diperlukan untuk merawat luka terbakar kecil, luka, dan gigitan serangga.

Jika awda belajar asas dan teknik pertolongan cemas, suatu hari awda mungkin mampu menyelamatkan nyawa seseorang yang sayangi, rakan sekerja atau orang asing.

Pertolongan cemas mungkin melibatkan tindakan mudah, seperti meletakkan seseorang di tempat yang betul untuk bernafas dengan bebas. Ia juga mungkin melibatkan aktiviti yang lebih mahir, seperti pemulihan pernafasan (CPR) jika mereka berhenti bernafas.

Jika awda berdepan dengan situasi kecemasan, ikuti tiga langkah asas berikut iaitu pertama, memeriksa tempat kejadian. Sebelum membantu, periksa dahulu jika tempat atau keadaan tersebut selamat untuk awda. Sekiranya keselamatan awda berisiko, keluar dari kawasan itu dan dapatkan bantuan. Jika selamat, nilai keadaan orang yang sakit atau cedera tanpa menggerakkan mereka (kecuali jika terpaksa).

Kedua, hubungi bantuan perubatan jika perlu. Sekiranya keadaan mangsa kritikal atau perlu dirujuk ke hospital, segera hubungi talian kecemasan. Manakala ketiga, berikan penjagaan. Tunggu bersama dengan mangsa sehingga bantuan profesional tiba. Sementara menantikan bantuan, lindungi mangsa dengan selimut hangat, selesa dan tenangkan mereka. Sekiranya awda tahu teknik pertolongan cemas, cuba lakukan rawatan asas.

Dalam kebanyakan kes, tujuan pertolongan cemas asas ini dapat membantu menghentikan keadaan kecil daripada menjadi lebih buruk. Dalam kes kecemasan perubatan, teknik dan tujuan pertolongan cemas mungkin menyelamatkan nyawa. Sekiranya seseorang mengalami kecederaan serius atau sakit, mereka harus menerima rawatan susulan daripada profesional perubatan. - Ketua Penyuntingan (Zk)

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNG AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دربینک اوله جاین فراغن، جاین فردن منtri دان چیق او له فرین قلس سندیرین برد، نکارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

INOVASI, TEKNOLOGI KUNCI UTAMA MATLAMAT PERKHIDMATAN AWAM

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Hernie Suliana Haji Othman, Ak. Md. Hasnal Ali Saodiqen Pg. Haji Abu Bakar

>> Muka 1

"Namun, inovasi dalam Perkhidmatan Awam tidak hanya terhad kepada pengenalan sistem baharu tetapi juga melibatkan perubahan cara berfikir dan bekerja," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-31, 2024 berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, hari ini.

Demikian antara asas transformasi dalam Perkhidmatan Awam, yang menuntut perubahan menyeluruh dalam cara bekerja dan berinteraksi dengan masyarakat.

Maka untuk itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah pun

memperkenankan penubuhan Jawatankuasa Transformasi Perkhidmatan Awam yang diterajui oleh Jabatan Perdana Menteri dengan melibatkan keahlian sektor swasta termasuk Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs).

Dengan kepelbagaiannya keahlian itu nanti, tambah baginda, dapatlah diharapkan sebarang dasar atau pembaharuan akan dapat dipertimbangkan secara holistik dengan penekanan kepada pendekatan Whole of Nation and Whole of Government.

Terdahulu, Kebawah DYMM dalam titah baginda melahirkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya juga dapatlah kita berkumpul di Majlis Kemuncak Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-31, Tahun 2024 pada pagi ini.

Sesungguhnya sambutan itu, titah baginda, adalah merupakan penghormatan kepada mereka yang berkhidmat tanpa mengenal penat lelah, yang memikul tanggungjawab berat dan sentiasa berusaha untuk kemajuan negara.

Baginda menambah, setiap penjawat awam adalah merupakan tulang belakang untuk menjayakan segala rancangan negara. Tanpa usaha mereka, semua rancangan akan terbengkalai dan menempuh jalan buntu.

"Sambutan Hari Perkhidmatan Awam bukan setakat untuk meraikan kejayaan dan pencapaian sedia ada, tetapi lebih bermakna ialah untuk kita membina azam ke arah masa depan yang lebih cerah.

"Ini ada hubungan dengan tema sambutan, tentang dunia berubah begitu cepat, yang memerlukan Perkhidmatan Awam lebih bersedia untuk menghadapi cabaran-cabarannya yang muncul," titah baginda lagi.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan bertitah pada Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-31, 2024 berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas.

Warga Perkhidmatan Awam perlu cari peluang baharu, cipta nilai tambah

BERAKAS, Isnin, 30 September. - Setiap penjawat awam diperingatkan akan sentiasa memelihara dan menanai misi kerajaan. Walaupun kita sudah banyak mencapai kejayaan, namun kita mesti terus berusaha untuk memperbaiki lagi keupayaan diri.

Perkara tersebut ditekankan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan

berkenan pada Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-31, 2024 berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, hari ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah menegaskan dalam dunia yang semakin kompleks, warga penjawat awam perlu mencari peluang-peluang baharu, mencipta nilai tambah dan berfikir ligat untuk melihat Perkhidmatan Awam terus berada di hadapan.

Pada majlis sambutan kali ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyambut baik dan berbesar hati akan dapat melancarkan sebuah buku yang mengetengahkan aspek kepimpinan Tokoh Jasawanda Negara, paduka ayahanda baginda, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, yang bukan sahaja terkenal dengan kebijaksanaan baginda dalam hal ehwal kenegaraan, malah juga sangat prihatin terhadap kemajuan Perkhidmatan

Awam.

"Dengan wawasan baginda yang jauh ke hadapan, Al-Marhum telah berjaya mengasaskan dasar-dasar pentadbiran yang berdaya maju serta responsif terhadap kepentingan rakyat. Al-Marhum juga sentiasa menekankan nilai integriti, profesionalisme dan disiplin di kalangan kakitangan awam.

"Dalam mengenang kepimpinan Al-Marhum, kita perlu mencontohi nilai-nilai murni dan meneruskan legasi Al-Marhum dalam menjaga dan memajukan Perkhidmatan Awam demi kemakmuran negara. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala merahmati roh Al-Marhum dengan menghimpunkan baginda ke dalam kalangan hamba-hamba-Nya yang soleh," titah baginda lagi.

Kebawah Duli Yang Maha

Mulia melahirkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada penerima-penerima anugerah sambutan kali ini atas khidmat yang mereka curahkan.

Semoga penganugerahan itu, titah baginda, akan mendorong warga penjawat awam untuk terus bergiat memberikan apa yang terbaik untuk rakyat dan negara.

Selain itu, Kebawah DYMM juga berkenan mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada setiap penjawat awam yang masih berkhidmat dan yang telah bersara di atas sumbangan dan jasa bakti mereka kepada pembangunan negara serta juga kepada semua jawatankuasa yang terlibat dalam menjayakan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam pada tahun ini.



SUASANA sekitar Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-31, 2024 berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas (atas dan kanan).



BERANGKAT KE SAMBUTAN HPA KE-31

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin, Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Ak. Md. Hasnal Ali Saodiqen Pg. Haji Abu Bakar



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Sambutan Kemuncak Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-31 Tahun 2024, yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda (atas dan atas kanan). Sementara gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan melancarkan Buku Keluaran Khas 'Jasawan Perkhidmatan Awam : Meneruskan Legasi Sultan Omar Ali Saifuddien III Tokoh Jasawan Negara'.

BERAKAS, Isnin, 30 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Sambutan Kemuncak Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-31 Tahun 2024, yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri



Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; dan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Pengurus-pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HPA Kali Ke-31, Tahun 2024.



Turut menjunjung keberangkatan Kebawah DYMM ialah Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; dan Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah selaku Timbalan-timbalan Pengurus Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HPA Kali Ke-31, Tahun 2024.

Haji Mohammed Yunos; Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; dan Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah selaku Timbalan-timbalan Pengurus Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HPA Kali Ke-31, Tahun 2024.

>> Muka 5



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan anugerah kepada para penerima (atas kiri dan atas kanan). Manakala gambar kanan, Buku Keluaran Khas 'Jasawan Perkhidmatan Awam : Meneruskan Legasi Sultan Omar Ali Saifuddien III Tokoh Jasawan Negara'. Sementara gambar bawah tengah dan bawah kanan, suasana sekitar majlis berkenaan.



AWANG Haji Zul-Hafiz bin Awang Tengah semasa membaca ayat-ayat suci Al-Quran.



Siapa berikhtiar setiap hari,
Memohon rahmat-Nya supaya diberi,
Taat dan sabar berper-i-peri,
Permintaan usaha Tuhan memberi.

Pegangan teguh berhati tabah,
Berjalan benar memberi faedah,
Jika dengan izin kehendak Allah,
Mendapat kejayaan dengannya mudah.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda dan adinda baginda menadah tangan semasa doa dibacakan.

>> Muka 4

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran daripada Surah Al-

Anfaal, ayat 45 hingga ayat 47 yang dibacakan oleh Pegawai Pelajaran, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Zul-Hafiz bin Awang Tengah,

sementara kesimpulan ayat pula dibacakan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, KHEU, Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang.

Majlis diteruskan dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II.

Kebawah DYMM seterusnya berkenan mengurniakan titah dan melancarkan Buku Keluaran Khas ‘Jasawan Perkhidmatan Awam : Meneruskan Legasi Sultan Omar Ali Saifuddien III Tokoh Jasawan Negara’.

Iri diikuti dengan sebuah tayangan video mengenai perisian buku tersebut, di mana Buku Keluaran Khas ‘Jasawan Perkhidmatan Awam : Meneruskan Legasi Sultan Omar Ali Saifuddien III Tokoh Jasawan Negara’ adalah bagi mengenang dan memberikan penghargaan ke atas sumbangan-sumbangan paduka ayahanda baginda, Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam II yang dimasyurkan sebagai ‘Tokoh Jasawan Negara’ pada Sambutan HPA Kali Ke-30 pada tahun lepas dalam melakar pelbagai kemajuan, khususnya dalam sektor Ugama, Pendidikan, Pertahanan, Pentadbiran Awam

dan Kebajikan, untuk rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Usaha-usaha dan sumbangan Al-Marhum di sepanjang pemerintahan Al-Marhum dalam pelbagai bidang berkenaan menjadikan Negara Brunei Darussalam (NBD) membangun dengan pesatnya serta mendatangkan impak yang besar kepada kestabilan, kemakmuran, kemajuan, dan perkembangan sosioekonomi negara yang terus dinikmati oleh rakyat dan penduduk negara ini.

Bagi menyeriakan lagi majlis, sebuah persembahan menambang syair bertajuk ‘Syair Perlembagaan Negeri Brunei’ telah disampaikan oleh Guru Ugama Tingkat I,

Jabatan Pengajian Islam; Awang Mohammad Jazmeen bin Tassim; dan Mahasiswa Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dayang Halimatus Rabeatul Saiedah binti Huzaimi.

Setelah itu, majlis sambutan diteruskan dengan tayangan klip video mengenai dengan Anugerah-anugerah Perkhidmatan Awam iaitu Anugerah Inovasi Perdana (AIP), Program Penggredan Prestasi Sektor Awam melalui Penarafan Bintang (3PSA), Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) dan Anugerah Kakitangan Berjasa dan Berbakti Perkhidmatan Awam (AKB²PA) bagi Tahun 2024.

>> Muka 6



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia semasa berkenan menerima junjung ziarah (kiri dan atas kiri). Sementara gambar atas kanan, Kebawah DYMM berkenan menandatangani lembaran kenangan.



BACAAN Doa Selamat oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (atas). Manakala gambar kiri, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.



KEBAWAH DYMM bersama paduka-paduka anakanda dan adinda dijunjung bagi sesi bergambar ramai sebelum menghadiri Majlis Santap.

>> Muka 5

Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, JPM dan Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan telah dikurniakan Anugerah 3PSA melalui Penarafan Bintang, yang mana Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah mendapat empat bintang yakni Sangat Baik dan sijil pengiktirafan, manakala Jabatan Perkhidmatan Farmasi telah mendapat tiga bintang yakni Baik dan sijil pengiktirafan.

Sementara itu, sebanyak tiga kumpulan telah dikurniakan AIP, yang mana kategori Anugerah Perak dianugerahkan kepada Kumpulan HEMAHEROES dari Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan yang menghasilkan Projek 'Implementation of Bloodkad Mobile Application Through

Public-Private Partnership'; dan Kumpulan MUSAEADAT, Jabatanarah Pembangunan & Perkhidmatan Kerja, Kementerian Pertahanan yang menghasilkan Projek 'NAWHDS (Network Accessible Web Help Desk System)'.

Kedua-dua kumpulan masing-masing telah menerima Geran Pembelajaran / Projek berjumlah tidak melebihi BND5,000, sebuah piala dan sijil penghargaan.

Seterusnya, Anugerah Gangsa dianugerahkan kepada Kumpulan NLMS dari Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang menghasilkan Projek 'National Labour Management System'.

Kumpulan ini menerima Geran Pembelajaran / Projek berjumlah tidak melebihi BND3,000, sebuah piala dan sijil penghargaan.

Manakala, sebanyak lapan kumpulan masing-masing telah

menerima suguhan berupa piala dan sijil penghargaan.

Sementara itu, Kebawah DYMM telah memperkenankan bagi seramai 41 pegawai dan kakitangan kerajaan yang terdiri dari Bahagian II, III, IV dan V dari setiap kementerian untuk menerima APCPA tahun ini.

APCPA merupakan penghargaan dan pengiktirafan kepada warga Perkhidmatan Awam yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang dalam memupuk budaya kerja yang sangat tinggi dalam perkhidmatan awam.

Anugerah tersebut diharap akan menjadi pendorong kepada meningkatkan lagi semangat, produktiviti, dan kualiti kerja dalam sama-sama berusaha ke arah merealisasikan matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035.

Penerima APCPA bagi setiap bahagian menerima sebuah plak,

sijil penghargaan dan wang tunai sebanyak BND1,000.

Kebawah DYMM telah memperkenankan bagi penganugerahan AKB²PA kepada seramai tujuh orang penerima sebagai kakitangan kerajaan yang telah mengamalkan nilai-nilai murni serta sikap bertanggungjawab, titih, lutanan, berakhlik mulia dan berkeperibadian unggul yang sesuai dijadikan contoh tauladan kepada pegawai atau kakitangan lainnya.

Di samping kriteria berkenaan, kejayaan ahli keluarga juga merupakan salah satu kriteria dalam pemilihan anugerah ini, yang jelasnya bukan sahaja mengiktiraf kecemerlangan dalam bertugas, malah turut mengambil kira aspek keprihatinan, kesungguhan dan kasih sayang mereka terhadap anak-anak ke arah mencapai kejayaan dalam kehidupan mereka.

AKB²PA bertujuan untuk menghargai jasa dan bakti kakitangan dalam Bahagian V kepada organisasi, masyarakat sekeling, keluarga, bangsa dan masyarakat.

Penerima AKB²PA menerima sebuah trofi, sijil penghargaan dan wang tunai sebanyak BND1,000.

Selesai tayangan video berkenaan, Kebawah DYMM kemudian berkenan mengurniakan hadiah-hadiah dan sijil-sijil penghargaan kepada para penerima anugerah-anugerah berkenaan.

Majlis diikuti dengan bacaan Doa Selamat oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Sebelum berangkat balik, Kebawah DYMM dijunjung bagi sesi bergambar ramai sebelum menghadiri Majlis Santap.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II semasa menyampaikan sembah alu-aluannya.

menyembah, sesungguhnya keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik dan perkenan untuk mengurniakan titah dan seterusnya menyempurnakan, pengurniaan anugerah-anugerah, adalah sangat bermakna dan istimewa serta sentiasa dinantikan, oleh setiap warga Perkhidmatan Awam sebagai peluang keemasan untuk menzahirkan tanda kesyukuran, penghargaan dan memperbaharui ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Tuan Patik atas kepimpinan bijaksana lagi berdaulat dan pandangan jauh ke hadapan dalam menerajui Perkhidmatan Awam di negara ini.

Budaya inovasi bentuk Perkhidmatan Awam lebih responsif, berdaya saing

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Hernie Suliana Haji Othman, Ak. Md. Hasnal Ali Saodiqen Pg. Haji Abu Bakar

BERAKAS, Isnin, 30 September. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dalam sembah alu-aluannya menyatakan bahawa tema Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) tahun ini, adalah sama seperti tahun sebelumnya iaitu 'Keberdayatahanan dan Perpaduan Perkhidmatan Awam Pemangkin Kesejahteraan Negara', dikira terus relevan dalam menghadapi pelbagai isu, termasuk cabaran dan peluang, yang dibawa oleh teknologi digital.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II juga selaku Pengurus Bersama Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan HPA Ke-31, 2024 seterusnya menyembah, ia juga sinonim dengan keadaan masyarakat hari ini, yang mempunyai ekspektasi tinggi, terhadap kualiti dan kecepatan serta keberkesanannya perkhidmatan, yang mereka terima.

"Justeru, warga Perkhidmatan Awam perlu terus berinovasi untuk memenuhi keperluan yang semakin kompleks. Dengan budaya inovasi, akan dapat

membentuk Perkhidmatan Awam yang lebih responsif dan berdaya saing, sekali gus membina kepercayaan masyarakat terhadap institusi awam," ujar Yang Berhormat pada Majlis Sambutan HPA Ke-31, 2024 yang bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, hari ini.

Tambahnya, inovasi adalah juga, teras kepada prinsip tadbir urus yang baik atau *good governance*, lebih-lebih lagi, apabila ia dikaitkan, dengan pendekatan berdasarkan, Kecerdasan Buatan atau Artificial Intelligence (AI).

Disembahkan, dalam forum, bersempena Mesyuarat 22nd ASEAN Cooperation, on Civil Service Matters (ACCSM) yang dipengerusikan oleh Negara Brunei Darussalam baru-baru ini, dibincangkan potensi integrasi AI dalam sektor awam.

"Ini akan membolehkan fokus kerja yang lebih strategik melalui automasi, serta penilaian semula terhadap keupayaan sektor awam melalui *real-time insights*, untuk meningkatkan ketelusan, tanggungjawab dan keyakinan masyarakat," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat selanjutnya menekankan, setiap penjawat awam perlu, mengutamakan pengembangan kemahiran dan

peningkatan pengetahuan, untuk menyesuaikan diri, dengan keperluan perubahan dan pembaharuan semasa, dalam tadbir urus awam yang dinamik dan berdaya tahan.

Ke arah ini, katanya, Skim Perkhidmatan Sumber Manusia yang baru diperkenalkan juga akan membantu memastikan, pembangunan kemahiran dan penggunaan sumber manusia, yang optimum.

Dalam Mesyuarat ACCSM, satu kenyataan bersama juga telah dikeluarkan untuk memperkuuh strategi ASEAN dalam kesihatan mental dan kesejahteraan. Tujuannya adalah semata-mata ke arah mencapai keseimbangan antara kerja dan kehidupan warga Perkhidmatan Awam.

"Bersempena Sambutan HPA yang Ke-31 tahun ini, Alhamdulillah terbitan satu Buku Khas bertajuk 'Jasawan Perkhidmatan Awam : Meneruskan Legasi Sultan Omar 'Ali Saifuddien III Tokoh Jasawan Negara' yang mengetengahkan intelektualisme dan keunggulan legasi Al-Marhum baginda dalam perkembangan dan kemajuan Perkhidmatan Awam yang masih saja dapat dinikmati ke hari ini.

"Turut dimuatkan dalam atur cara sambutan pagi ini dan seperti tahun-tahun sudah ialah penganugerahan bagi Program Penggredan Prestasi Sektor Awam (3PSA), melalui penarafan bintang, yang menandakan

keberkesan pengurusan, institusi awam di negara ini.

"Anugerah Inovasi Perdana (AIP), juga akan disampaikan untuk menggalakkan budaya inovasi dalam Perkhidmatan Awam, meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan," jelas Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat juga menyembah baha tahun ini seramai 41 penerima Anugerah Pekerja Cemerlang, Perkhidmatan Awam (APCPA), akan diiktiraf sebagai membuktikan kecemerlangan prestasi kerja, masing-masing.

Sebagai penghargaan dan dorongan secara formal, 'Anugerah Kakitangan Berjasa dan Berbakti Perkhidmatan Awam (AKB²PA)', akan diberikan kepada tujuh penerima dari Bahagian V yang menunjukkan komitmen tinggi, dalam tugas sehari-hari, menjadi contoh kepada pegawai atau kakitangan lainnya.

"InsyaAllah, anugerah-anugerah ini diharap, akan terus menjadi dorongan dan suntikan semangat untuk setiap warga Perkhidmatan Awam, membudayakan inovasi dan *growth mindset*, dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan sentiasa menekankan pendekatan secara Whole of Nation and Whole of Government," sembah Yang Berhormat lagi.

Terdahulu, Yang Berhormat

AL-QURAN JADI PANDUAN DALAM MENGURUS GEJALA KESIHATAN MENTAL

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

Menangani Gejala Mental



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Seminar Majlis Ilmu bagi sesi pertama yang membincangkan sub tema ‘Kesihatan Mental dan Ugama’ yang berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa (kanan). Manakala gambar atas, para pembentang semasa menyampaikan kertas kerja masing-masing.



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Oktober. – Majlis Ilmu 2024 terus dimeriahkan dengan Seminar Majlis Ilmu bagi sesi pertama yang membincangkan sub tema ‘Kesihatan Mental dan Ugama’ yang berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Kertas kerja yang bertajuk ‘Kaedah Mengurus Gejala Kesihatan Mental Menurut Al-Quran’ disampaikan oleh Naib Canselor, Universiti Islam Selangor, Yang Berbahagia Profesor Dato’ Dr. Mohd Farid Ravi bin Abdullah.

Dalam kertas kerja beliau menyentuh mengenai faktor-faktor yang dikenal pasti menyumbang terhadap peningkatan masalah

gangguan kesihatan mental yang berlaku dalam pelbagai golongan dan tahap umur dengan Islam menggalakkan keseimbangan mental dengan memberi perhatian kepada aspek kerohanian.

Menurutnya lagi, kaedah yang dikemukakan oleh Al-Quran boleh dijadikan panduan dalam mengurus gejala kesihatan mental yang dihadapi dengan berkesan.

Manakala, Profesor Dr. Nohaluddin Ahmed dari Fakulti Undang-undang Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menyampaikan kertas kerja bertajuk ‘Integrating Religious Perspectives into Mental Health Legislation: A Holistic Approach to Human Rights and Well-Being in Brunei Darussalam’.

Beliau mengetengahkan bahawa undang-undang yang berkaitan dengan kesihatan mental yang melindungi hak pesakit kesihatan mental adalah tidak mencukupi

jika ia mengabaikan dimensi agama, kepercayaan atau orientasi transendental dengan undang-undang berkenaan bertujuan untuk melindungi.

Sewajarnya terangnya lagi, perspektif agama terhadap penyakit mental perlu diselaraskan untuk menyokong inisiatif kontemporari seperti hak asasi manusia yang berusaha untuk meningkatkan kehidupan rakyat oleh penggubal dasar, cendekiawan, doktor dan organisasi antarabangsa yang bekerja dalam bidang kesihatan mental.

Sementara itu, kertas kerja yang bertajuk ‘Pengembangan Kecerdasan Emosi Melalui Penghayatan Sunnah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Sebagai Asas Pemeriksaan Kesihatan Mental: Satu Pendekatan Psikospiritual Islam’ disampaikan oleh Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat II, Bahagian Kaunseling dan Kefahaman Agama, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal



Ehwal Ugama, Awang Muhammad Yusof bin Haji Abdul Majid, yang membincangkan mengenai pengembangan Kecerdasan Emosi (EI) melalui penghayatan Sunnah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai asas untuk memperkasa kesihatan mental, yang berlandaskan kepada pendekatan psiko spiritual Islam.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-undang) Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani, selaku Pengurus-pengerusi Bersama; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha-setiausaha Tetap, Rektor UNISSA, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-

pegawai kanan, para jemputan khas, para pembentang kertas kerja, pegawai dan kakitangan dari pelbagai kementerian dan jabatan.

Tema Majlis Ilmu 2024 ialah ‘Menangani Gelaja Mental’ diharap dapat meningkatkan pengetahuan dan kefahaman serta kesedaran masyarakat mengenai kepentingan kesihatan mental dalam kehidupan sehari-hari.

Orang ramai adalah dialukan untuk sama-sama hadir ke Seminar Majlis Ilmu 2024 yang akan diteruskan pada Rabu, 2 Oktober 2024 bertempat di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas dan sesi forum daerah-daerah yang akan diadakan pada Sabtu, 12 Oktober 2024 di Dewan Kemasyarakatan Belalong, Daerah Temburong; Sabtu, 19 Oktober 2024 di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas; Selasa, 22 Oktober 2024 di Dewan Ma’had Islam Brunei, Daerah Tutong; dan seminar terakhir pada Khamis, 24 Oktober 2024 di Pusat Insani, Seria, Daerah Belait.

Penilaian diri bantu mengenal pasti strategi berkesan tangani tekanan

Menangani Gejala Mental



SEMINAR Majlis Ilmu 2024 bagi sesi kedua dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II (atas kanan). Manakala gambar atas, para pembentang sesi kedua semasa menyampaikan pembentangan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Oktober. – Dengan sub tema ‘Kesihatan Mental dan Sains’, Seminar Majlis Ilmu 2024 bagi sesi kedua menampilkan beberapa pembentang yang antara lain terus membincangkan dan mengupas topik-topik yang berkaitan kesihatan mental, dasar kerajaan dalam menangani isu kesihatan mental dan langkah pencegahan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada seminar yang berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr.

Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Dengan tajuk kertas kerja ‘Emotional Regulation and Mental Health’ yang disampaikan oleh Pegawai Psikologi dan Ketua Perkhidmatan Psikologi Klinikal dan Masyarakat, Kementerian Kesihatan, Dayang Hani Haryana binti Haji Maidin, antara lain menyentuh mengenai pendekatan holistik yang mengintegrasikan pelbagai strategi untuk menangani emosi dan kesihatan mental yang komprehensif dalam memupuk kesejahteraan emosi dan meningkatkan kualiti kehidupan secara keseluruhan.

Sementara itu, Konsultan Psikiatris, Jabatan Psikiatri, Kementerian Kesihatan, Dayangku Dr. Raidah Hayati binti Pengiran Dr. Haji Mohamed pula menyampaikan kertas kerja yang bertajuk ‘Long Term Effects Of Stress On Mental Health And How To Manage It’.

Antara inti pati yang dapat diambil dalam pembentangan berkenaan ialah penting untuk menyedari bahawa pengurusan tekanan adalah perjalanan peribadi dan berbeza pendekatan yang berkesan untuk setiap individu.

Penilaian diri yang kerap boleh membantu mengenal pasti strategi yang berkesan dan memupuk daya tahan terhadap tekanan masa depan dengan mengutamakan



pengurusan tekanan, individu boleh meningkatkan kesejahteraan mental dan kualiti hidup secara keseluruhan.

Manakala, Penolong Profesor, Institut Sains Kesihsatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa’adatul Bolkiah Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Deeni Rudita bin Idris pula menyampaikan kertas kerja bertajuk ‘Stigma Terhadap Kesihatan dan Penyakit Mental Dalam Kalangan Penjaga Tidak Formal Bagi Pesakit Psikiatri Di Brunei Darussalam’.

Beliau membincangkan bahawa media sosial memainkan peranan dalam meningkatkan akses kepada maklumat, pengetahuan, dan tahap kesedaran mengenai kesihatan

mental dan penyakit mental, seterusnya memperbaiki tingkah laku pencarian rawatan kesihatan, terutama dalam kalangan generasi muda.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani; Setiausaha-setiausaha Tetap, Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Naib Canselor UBD, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan, para jemputan khas, para pembentang kertas kerja, pegawai dan kakitangan dari pelbagai kementerian dan jabatan.

TELUSURI SEJARAH PERKEMBANGAN PENDIDIKAN UGAMA DI NBD |



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 September. - Jabatan Pengajian Islam (JPI) melakar sejarah dengan menerbitkan sebuah buku khas berjudul 'Suluh Darussalam: Sekolah-Sekolah Ugama di Negara Brunei Darussalam' yang mengandungi sejarah penubuhan sekolah-sekolah ugama di negara ini.

Majlis Pelancaran Buku tersebut diadakan di Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) dan disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Majlis diadakan bersempena mengambil sukat baik memperingati Ulang Tahun Pelaksanaan Pendidikan Ugama Formal di Negara Brunei Darussalam yang Ke-68 Tahun.

Pada majlis tersebut, Pengarah JPI, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar dalam ucapan alu-aluannya antara lain menyatakan, terbinanya sekolah ugama di negara ini, Brunei Darussalam dibaratkan sebagai suluh yang menerangi murid-murid khususnya dan masyarakat amnya dengan pancaran cahaya ilmu ugama demi mengukuhkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

"Melalui pelaksanaan sistem persekolahan ugama secara formal, pembelajaran ilmu-ilmu keagamaan dihasilkan mampu melahirkan murid-murid yang berpengetahuan, berkepandaian dan berpendidikan ugama serta berakhlik mulia," ujarnya.

Dengan pendekatan sedemikian katanya, ia juga diharap menjadi salah satu asbab bagi sumber keberkatan yang telah dinikmati oleh rakyat dan penduduk di negara ini.

Dalam usaha untuk menerbitkan buku ini terangnya, cabaran besar

yang dihadapi ialah dari sudut pengumpulan fakta dan maklumat secara menyeluruh.

Justeru pada tahun 2021, JPI jelas beliau telah pun membentuk satu Jawatankuasa Kerja bagi Projek Mendokumentasi Profil Sekolah-Sekolah Ugama Di Negara Brunei Darussalam.

"Inisiatif ini adalah bertujuan untuk mengumpul dan mengetahui latar belakang dan perkembangan sesebuah sekolah ugama serta hasil pencapaian termasuk dalam aktiviti kurikulum yang mana maklumat yang dikumpulkan juga termasuk senarai nama guru-guru besar yang diamanahkan selaku pemimpin di setiap sekolah ugama sejak penubuhannya".

"Maka penerbitan buku ini dirasakan istimewa kerana menyajikan sejarah dan latar belakang sekolah-sekolah ugama di Negara Brunei Darussalam yang sebahagian besarnya telah pun mencapai usia melebihi 40 tahun," katanya lagi.

Menurutnya, himpunan maklumat yang dihasilkan dalam penulisan secara bercetak ini dihasilkan akan dapat dijadikan sumber rujukan yang komprehensif dan turut dapat dimanfaatkan oleh masyarakat awam, para pengkaji dan insyaaAllah akan menjadi panduan bagi generasi akan datang.

Awang Haji Shamshol juga



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa berucap dan seterusnya menyempurnakan Majlis Pelancaran Buku khas berjudul 'Suluh Darussalam : Sekolah-Sekolah Ugama di Negara Brunei Darussalam' yang diadakan di Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (atas kiri dan atas).

menggariskan, penerbitan buku berkenaan bertujuan bagi menambah khazanah rujukan sejarah pendidikan ugama di negara ini serta menyediakan satu sumber rujukan komprehensif yang boleh diguna pakai dalam kajian-kajian golongan akademik dan masyarakat awam.

Penerbitan buku tersebut tambahnya, juga adalah bagi meraikan pencapaian JPI dalam memperkasa Pendidikan Ugama di

negara ini.

Turut hadir pada majlis tersebut, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abd Karim; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Dr. Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh.

Muzakarah kongsi pandangan bagi kesejahteraan masyarakat



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika berucap pada Sesi Muzakarah Bersama Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 September. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) terus komited melaksanakan pelbagai pembaharuan dan penambahbaikan secara berterusan.

Sebahagian projek yang dirancang sebelum ini telah

selesai dilaksanakan, manakala sebahagian lagi masih dalam proses pembinaan atau penyediaan, termasuk projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato

Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman pada Sesi Muzakarah Bersama Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bertempat di Dewan Serbaguna, Bangunan KHEDN, petang tadi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri juga selaku Pengerusi Sesi Muzakarah turut menyatakan usaha dan inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian dan 12 jabatan di bawahnya ini diselaraskan dengan tiga aspirasi dalam Pelan Strategik Kementerian.

Aspirasi tersebut jelas Yang Berhormat, bertujuan untuk mendukung visi kementerian iaitu 'Bersama Mengelarkan Brunei Darussalam Yang Aman, Makmur dan Dinamik'.

"Fokusnya adalah termasuk pengukuran infrastruktur, dasar dan strategi keselamatan; peningkatan kesejahteraan dan kemaslahatan masyarakat serta persekitaran yang bersih; penaiktarafan infrastruktur; sokongan kepada aktiviti perekonomian; dan peningkatan kapasiti tadbir urus pegawai serta kakitangan Kementerian, termasuk penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung

sebagai enabler dan pemangkin pelaksanaan inisiatif," tambah Yang Berhormat.

Sesi Muzakarah ini diadakan sebagai platform bagi Yang Berhormat Ahli-ahli MMN untuk mendengarkan inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan serta perancangan-perancangan strategik kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya, selain dapat mengongsikan pandangan serta buah fikiran dari Yang Berhormat Ahli-ahli MMN dan apa juar perkara atau isu yang memerlukan perhatian pihak kementerian dan jabatan demi meningkatkan

lagi mutu perkhidmatan ke arah kesejahteraan masyarakat, orang awam dan pembangunan negara.

Pada sesi tersebut, Yang Berhormat Ahli-ahli MMN juga berpeluang untuk berinteraksi dengan lebih dekat lagi bersama pihak pengurusan atasan KHEDN serta ketua-ketua jabatan dan bahagian KHEDN.

Waspada terhadap penyalahgunaan nama, logo BDCB

Siaran Akbar : Brunei Darussalam Central Bank

>> Muka 2

Dalam hal ini, BDCB juga ingin menasihatkan orang ramai untuk tidak berurus dengan sebarang entiti yang tidak berlesen yang menawarkan perkhidmatan kewangan.

Orang ramai turut dinasihatkan untuk hanya berurus dengan bank-bank dan syarikat kewangan yang berlesen.

Senarai institusi-institusi kewangan yang dilesenkan oleh BDCB serta BDCB Alert List boleh didapati di laman sesawang BDCB di www.bdcb.gov.bn.

Orang ramai dinasihatkan untuk membuat laporan dengan segera kepada Pasukan Polis Diraja Brunei di balai polis berhampiran, atau melalui 993 jika telah menjadi mangsa aktiviti kewangan yang tidak berlesen.

Orang ramai juga boleh maklumkan pihak BDCB mengenai sebarang entiti / individu yang disyaki menawarkan perkhidmatan kewangan tanpa lesen dengan menghubungi Isu Pengguna Kewangan, BDCB di +673 8380007 atau e-mel fci@bdcb.gov.bn.

BDCB akan terus mementingkan kestabilan kewangan domestik dan mengutamakan perlindungan sistem kewangan dan kepentingan pengguna kewangan di Negara Brunei Darussalam.

BDCB, dengan kerjasama pihak berkuasa yang berkaitan, juga sentiasa memantau aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di negara ini.



SUASANA sekitar Sesi Muzakarah yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

PERASMIAN SIDANG KE-28 MASTERA

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

GADONG, Selasa, 1 Oktober. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) selaku Sekretariat Majlis Sastera Asia Tenggara (Mastera) Brunei Darussalam pada tahun ini menjadi tuan rumah bagi mengendalikan Sidang Ke-28 Mastera dan Rangkaian Kegiatan Mastera, 2024.

Sehubungan itu, Majlis Perasmian Sidang Ke-28 Mastera, Seminar Antarabangsa Kesusastraan Asia Tenggara (SAKAT), Festival Teater Mastera (Apresiasi Naskhah Drama) dan penyampaian Anugerah Sastera Mastera Ke-7, 2024, berlangsung malam tadi di Dewan Songket, Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi menyempurnakan perasmian majlis, pelancaran buku-buku baharu terbitan DBP dan menyampaikan pengiktirafan Anugerah Sastera Mastera Ke-7, 2024 ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah DBP, Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit selaku Pemangku Pengerusi Mastera Brunei Darussalam,

yang antara lain menjelaskan, Sidang Ke-28 Mastera yang akan diadakan ini nanti dapat mencapai keputusan yang akan memberikan impak positif kepada negara masing-masing.

Tambahnya, usaha perlu dipertingkatkan agar sastera Melayu lebih dikenali, diterima dan diminati oleh pelbagai lapisan masyarakat kerana khalayak sastera merupakan salah satu komponen penting dalam menjaga kelangsungan sastera.

Menurutnya lagi, dalam mencapai misi dan visi penubuhannya, Mastera telah menubuhkan Opera, iaitu sebuah tim yang terbentuk daripada alumni Program Penulisan Mastera.

Opera jelasnya, ditubuhkan sebagai usaha untuk melahirkan lebih ramai penggiat sastera yang akan menjadi penggerak kepada kegiatan-kegiatan sastera.

Malah katanya, peranan Opera peringkat rantau Mastera ini juga mencakupi dalam membina dan mengembangkan kesusastraan Melayu di peringkat Mastera khasnya dan sastera Asia Tenggara amnya.

Kemudian, majlis diteruskan dengan pengumuman tokoh-tokoh penerima Anugerah Sastera Mastera Ke-7, 2024 bagi keempat-empat tokoh penerima disampaikan oleh Timbalan

Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsafeloh, selaku Timbalan Pengurus Jawatankuasa Panel Penilai Pusat Anugerah Sastera Mastera Ke-7, 2024.

Penerima-penerima Anugerah Sastera Mastera Ke-7, 2024, bagi setiap negara ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman (Badaruddin H.O.) dari Negara Brunei Darussalam (NBD); Taufiq Gaffar Ismail (Taufiq Ismail) dari Indonesia; Yang Berbahagia Sasterawan Negara (SN) Dato' Seri (Dr.) Abdul Samad bin Mohamed Said (A. Samad Said) dari Malaysia; dan Encik Djamal Tukimin (Djamal Tukimin) dari Singapura.

Penyampaian Anugerah Sastera Mastera Ke-7, 2024 disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda kepada penerima dan wakil penerima. Tokoh-tokoh sastera menerima wang tunai bernilai BND3,000, sijil pengiktirafan berbentuk plak dan kain tenun.

Anugerah Sastera Mastera merupakan projek pengiktirafan Mastera Brunei Darussalam yang dianugerahkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia



YANG Berhormat Menteri Pembangunan selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menyampaikan Anugerah Sastera Mastera Ke-7, 2024 kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai tanda sokongan, dukungan dan pengiktirafan kepada tokoh-tokoh penulis yang diiktiraf di peringkat rantau Mastera.

Majlis diteruskan dengan ucapan daripada para penerima anugerah dan lawatan ke pameran mini Mastera.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan; Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan; Ketua-ketua

dan Perwakilan Negara Anggota Mastera, iaitu NBD, Indonesia, Malaysia dan Singapura, mantan pengarah dan timbalan pengarah DBP, tokoh-tokoh penulis yang diiktiraf di peringkat rantau Mastera, serta persatuan dan penggiat seni sastera, bahasa dan budaya di NBD.

Majlis Perasmian turut dijayaikan oleh syarikat-syarikat penaja, iaitu Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Syarikat Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd. (BSP), Kumpulan PUTRA Seni (KPS), Syarikat Little Ummi dan Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) Brunei Darussalam.

Gandakan usaha promosi produk Mastera ke peringkat antarabangsa



YANG Berhormat Menteri Pembangunan selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa berucap.

GADONG, Selasa, 1 Oktober. - Mastera sudah mencapai usia 29 tahun sejak Deklarasi Mastera pada 25 Ogos 1995, dan penubuhannya mempunyai hala tuju yang jelas dan penting, iaitu bagi merapatkan hubungan, pengertian dan kerjasama kesusastraan negara-negara anggota dalam usaha memajukan dan mengembangkan kesusastraan serantau ke arah menjadi warga sastera dunia yang berwibawa dan juga mengusahakan peluang-peluang bersama untuk para sasterawan memajukan bakat, penterjemahan, penerbitan dan pengiktirafan terhadap pencapaian mutu ciptaan sastera ke peringkat rantau dan antarabangsa.

Kejayaan pelaksanaan projek dan aktiviti Mastera di atas tambah Yang Berhormat, adalah berdasarkan Pelan Strategik Mastera 2016 - 2020, iaitu memantapkan fungsi negara anggota Mastera bagi memastikan proses memartabatkan sastera Melayu / Indonesia sama ada di peringkat negara mahupun peringkat antarabangsa berjalan dengan tersusun serta dapat dilaksanakan secara efektif.

Yang Berhormat juga dimaklumkan bahawa Mastera telah mengusulkan satu Pelan Strategik Mastera yang baharu bagi tahun 2023 - 2027 bagi menggantikan Pelan Strategik Mastera 2016 - 2020, dan difahamkan bahawa tinjauan semula Pelan Strategik Mastera (2023 - 2027) adalah bertujuan supaya pelaksanaan program / projek / acara Mastera dapat diselaraskan supaya negara-negara anggota dapat memaksimumkan kecekapan dan memastikan keberkesanan program-program Mastera untuk jangka masa panjang.

Menyentuh mengenai penyampaian Anugerah Sastera Mastera kepada empat orang tokoh sasterawan yang dinilai dari setiap Negara Anggota Mastera, iaitu Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura, Yang Berhormat berkata, anugerah

ini merupakan sebuah pengiktirafan besar daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sekali gus menandakan sokongan dan dukungan yang jelas kepada dunia kesusastraan, terutama sekali kepada tokoh-tokoh sastera

yang memberikan sumbangan yang signifikan.

Anugerah ini jelas Yang Berhormat, bukan sahaja sebagai simbol kejayaan peribadi para penerima, tetapi juga merupakan pengiktirafan dan penghargaan terhadap komitmen yang telah diberikan selama ini dalam dunia

penulisan dan kegiatan sastera Melayu.

Dalam kesempatan itu, Yang Berhormat turut mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada keempat-empat orang tokoh sastera yang akan menerima Anugerah Sastera Mastera nanti.

Majlis khatam raikan 24 murid selesai 30 juzuk Al-Quran

Oleh: Khartini Hamir
Foto: Alishahrin Haji Mumin

PESURUHJAYA Polis, PPDB semasa hadir selaku tetamu kehormat pada majlis khatam tersebut (kanan). Manakala gambar bawah kanan, antara murid-murid yang diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran berkenaan.



GADONG, Selasa, 1 Oktober. - Sekolah Ugama Anak-Anak Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) petang tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi meraikan seramai 24 murid Darjah VI terdiri daripada 14 orang murid lelaki dan 10 orang murid perempuan yang berjaya mengkhatakan bacaan 30 juzuk Al-Quran.

Majlis yang diadakan di Dewan Bankuet Mes Pegawai Polis, Gadong dihadiri Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali selaku tetamu kehormat majlis.

Acara bertujuan bagi menyahut hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi celik Al-Quran, di samping sebagai galakan kepada murid-murid untuk menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai budaya hidup dan amalan harian.

Majlis Khatam Al-Quran dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dipimpin oleh tetamu kehormat

peserta Khatam, Awang Md. Afe'e Idrak bin Md. Firnasrilulah.

Majlis turut diserikan dengan persembahan Dikir dan kemudiannya penyampaian Sijil Khatam oleh tetamu kehormat majlis.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Imam Surau PPDB, Awang Mohd. Yusri bin Haji Abu Bakar.



BIBD CONNECTS : MENYEDIAKAN KEMUDAHAN MODEN UNTUK PERUSAHAAN TEMPATAN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyempurnakan Majlis Mendirikan Tiang Asas Bangunan BIBD Connects Temburong (atas dan bawah kanan).

TEMBURONG, Selasa, 1 Oktober. - Projek BIBD Connects akan memulakan kerja-kerja pembinaannya di atas keluasan tanah seluas 3,135 meter persegi terletak di Labu Square di Kampung Perdayan dan akan dijangka siap pada tahun hadapan.

Sehubungan dengan itu, Majlis Mendirikan Tiang Asas Bangunan BIBD Connects Temburong disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman selaku Pengerusi BIBD.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, yang juga selaku Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-piasau; Setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri; Pengurusan Kanan BIBD dan kakitangan, serta wakil dari Jabatan Daerah Temburong.

Adapun pembinaan BIBD Connects Temburong adalah untuk menjadi projek infrastruktur terkini yang bertujuan untuk meningkatkan penglibatan masyarakat dan menyediakan kemudahan moden untuk perusahaan tempatan.

Perkembangan berkenaan sejarah dengan komitmen BIBD dalam memupuk pertumbuhan yang mampan dan holistik merentasi semua daerah di negara ini.

Projek berkenaan merupakan bangunan dua tingkat yang direka bentuk dengan kelestarian dan

kesedaran alam sekitar sebagai terasnya. Menampilkan reka bentuk cekap tenaga, bangunan berkenaan akan menggabungkan penuaan air hujan dan panel solar untuk menyalaikan lampu, memastikan kesan minimum terhadap alam sekitar.

Elemen hijau berkenaan mencerminkan inisiatif kemampunan BIBD yang lebih luas, juga dilihat dalam ciri mesra alam cawangannya di Bandar Seri Begawan, mengukuhkan lagi komitmen bank terhadap infrastruktur hijau.

Projek yang dijalankan di Temburong akan menampilkan kemudahan utama untuk memberi perkhidmatan kepada penduduk setempat dan ini termasuk perkhidmatan (Automated Teller Machine - ATM), ruang boleh sewa untuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PKS), serta makanan dan minuman (Food and Beverage - F&B) untuk penyewa utama.

Justeru, kemudahan BIBD Connects direka bentuk sebagai hab komuniti, menggabungkan perkhidmatan perbankan dengan peluang runcit, memastikan akses kepada perkhidmatan penting sambil menyokong pertumbuhan ekonomi tempatan.

BIBD Connects Temburong akan menawarkan ruangan sewa yang direka khusus untuk PKS dengan menyediakan platform kepada usahawan tempatan bagi menjana pendapatan dan mengembangkan perniagaan mereka, menyumbang kepada pembangunan keseluruhan Daerah Temburong.

Dengan menawarkan ruang mampu milik dan boleh diakses, ia bertujuan memperkasa tempatan perusahaan untuk berkembang

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

maju dalam pasaran yang kompetitif.

Bangunan berkenaan juga akan menampilkan pusat ruang komunal, menawarkan ruang pelbagai guna bagi penyelenggaraan pelbagai acara termasuk perhimpunan sosial, bengkel dan fungsi korporat.

Dengan susunan tempat duduk yang fleksibel dan elemen reka bentuk moden serta ruang yang menyediakan persekitaran menarik bagi acara formal maupun santai.

Perkembangan berkenaan adalah sebahagian daripada komitmen berterusan BIBD untuk menyumbang ke arah Wawasan Brunei 2035, yang mengutamakan kepelbagaiannya ekonomi yang mampan dan pertumbuhan yang seimbang.

Kemudahan BIBD Connects di bumi Permata Hijau berkenaan memainkan peranan

penting dalam memastikan semua daerah mempunyai infrastruktur dan peluang yang diperlukan untuk berkembang lebih maju.

Projek berkenaan juga mengukuhkan komitmen BIBD untuk memastikan pembangunan di semua daerah di Negara Brunei Darussalam dan BIBD kekal sebagai satu-satunya bank yang mengekalkan cawangan penuh Temburong, seterusnya menekankan dedikasinya untuk membawa perkhidmatan perbankan penting kepada seluruh pelosok negara.

Dengan membangunkan kemudahan mesra alam yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, BIBD sedang mengambil langkah yang bermakna untuk menyokong Wawasan Brunei 2035 untuk masa hadapan yang mampan



Terapkan integrasi antara Islam, budaya bendung kesihatan mental

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



SEKITAR Seminar Majlis Ilmu 2024 pada sesi sebelah petang yang berlangsung di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa.

BERAKAS, Selasa, 1 Oktober. dalam kertas kerjanya bertajuk 'Penggunaan Media Sosial, Kesan Psikologi Remaja dan Proses Intervensi Kajian Dalam Konteks Malaysia' antara lain menekankan tentang penggunaan media sosial yang boleh menyebabkan remaja mengalami kesan terhadap psikologi dan ini kerana mereka membandingkan gaya hidup orang lain dengan diri sendiri.

Menurut Profesor Dato' Dr. Fariza lagi, sebahagian remaja terlalu obsesi dengan media sosial sehingga mereka mampu menghabiskan masa seharian untuk melayarinya.

Hasil kajianya mendapat

remaja menjadikan gadget dan media sosial sebagai sumber rujukan. Jenis kandungan yang terdapat dalam media sosial bukan sahaja bersifat positif, malah boleh memberi impak negatif kepada kesihatan mental mereka.

Sementara itu, Penolong Kanan Profesor, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Elsayed Abdalla Amin, menyampaikan kertas kerja yang bertajuk 'Towards An Islamically-Integrated Mental Health For Adolescents in Brunei Darussalam' yang menyentuh mengenai pelbagai cabaran kesihatan mental yang dihadapi oleh remaja dan orang dewasa di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Maka pengubal dasar tambahnya, perlu menerapkan integrasi antara Islam dan budaya untuk membendung kesihatan mental khususnya dalam kalangan remaja di NBD.

Manakala, Associate Specialist, Jabatan Psikiatri, Kementerian Kesihatan, Dr. Shaheen Zinna binti Dato Paduka Dr. Haji Shaukat Zinna, dalam kertas kerjanya bertajuk 'Mental Health and Adolescence' menyentuh mengenai sokongan dan peranan daripada ibu bapa, keluarga dan rakan-rakan adalah sangat penting dalam membantu golongan muda untuk mengatasi masalah kesihatan mental mereka.

Jelasnya, ibu bapa boleh menyokong anak-anak mereka dengan bersikap terbuka, menormalisasikan pengalaman dan memberikan pendidikan awal mengenai kesihatan mental yang sewajarnya.

Seterusnya, Ketua Pegawai Eksekutif EMPOWERIOR,



YANG Berhormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat pada Seminar Majlis Ilmu 2024.

selaku Yang Dipertua Persatuan Kaunseling Brunei (PERKAB) dan Pensyarah Adjung Universiti Brunei Darussalam, Mejar (B) Awang Rusli bin Bujang, menyampaikan kertas kerja bertajuk 'Impak Teknologi Terhadap Peribumi Digital' dengan menyentuh akan kepentingan literasi digital, sempadan yang berkesan, dan persekitaran membina yang boleh membantu para remaja melalui cabaran dunia digital dengan penuh rasa tanggungjawab sekali gus mengupayakan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran yang terbukti dan berkesan.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji

Sani, Setiausaha-setiausaha Tetap, Rektor UNISSA, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan, para jemputan khas, para pembentang kertas kerja, pegawai dan kakitangan daripada pelbagai kementerian dan jabatan.

Majlis Ilmu telah banyak menyumbang pelbagai ilmu pengetahuan kepada rakyat dan penduduk negara ini dengan tema-tema tertentu.

Majlis Ilmu merupakan mercu tanda kepimpinan intelektual dan dinamik Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang merupakan wadah berterusan dalam memberi dan menyajikan ilmu berserta maklumat yang bernilai dan bermanfaat kepada rakyat dan penduduk NBD.

PASTIKAN KESEJAHTERAAN, KEBAJIKAN WARGA EMAS TERUS TERJAGA

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN,
Selasa, 1 Oktober. - Warga emas adalah aset yang penting dan bernilai kerana mereka membawa pengalaman hidup dan kebijaksanaan yang sering menjadi sumber nasihat dan panduan kepada generasi muda.

Dari aspek sosial, warga emas berperanan utama dalam pengukuhan dan kestabilan keluarga, dan menjadi pengikat silaturahim di antara ahli keluarga.

Dari segi kebudayaan pula, warga emas menyampaikan nilai-nilai budaya dan tradisi kepada generasi seterusnya agar warisan tidak hilang di telan zaman.

Pada 2023, warga emas di Negara Brunei Darussalam (NBD) merangkumi 10.8 peratus (%) (48,800 orang) dari keseluruhan jumlah penduduk.

Kenyataan itu digariskan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad dalam perutusan sempena Hari Antarabangsa Warga Emas (HAWE) 2024.

Menurut Yang Berhormat, kedatangan 1 hari bulan Oktober pada tahun ini menandakan genapnya Sambutan Ulang Tahun

Ke-34 HAWE (International Day of Older Persons) bagi negara-negara Ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dengan tema 'Meniti Usia dengan Bermaruah : Kepentingan Memperkuuh Sistem Penjagaan dan Sokongan untuk Warga Emas Seluruh Dunia ataupun 'Ageing with Dignity : The Importance of Strengthening Care and Support Systems for Older Persons Worldwide'.

Bagi NBD, HAWE 2024 disambut untuk kali ke-21.

"Kita amat bersyukur kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan juga seluruh lapisan masyarakat sentiasa berganding bahu dalam memberikan pemedulian terhadap kebijakan dan kesejahteraan warga emas demi memastikan golongan ini dijaga, dipeduli dan diberikan penghormatan melalui pendekatan holistik dan bersepada dari pelbagai pihak," ujar Yang Berhormat.

Setakat Ogos 2024, seramai 43,272 warga emas menerima Pencen Umur Tua setiap bulan, dan dari jumlah ini, seramai 825 warga emas menerima dua faedah, iaitu menerima Pencen Umur Tua dan

Elaun Kurang Upaya.

Manakala, lebih kurang 350 warga emas juga menerima Elaun Penyedia Penjagaan sebagai Penjaga golongan penerima Elaun Kurang Upaya.

"InsyaAllah, tahun ini NBD, melalui Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS) dan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), akan melancarkan Pelan Tindakan Warga Emas : Ke Arah Penuaan yang Berjaya (Successful Ageing)," jelas Yang Berhormat.

Pelan Tindakan tersebut menekankan kesejahteraan, perlindungan dan pemerkaasan warga emas yang dihasratkan untuk mencapai kemajuan dan inklusiviti golongan warga emas di tanah air.

Yang Berhormat dalam perutusan juga menganjurkan kita sentiasa menyokong warga emas kita untuk sentiasa aktif dan giat menjalankan aktiviti sosial, keagamaan, sukan, keusahawanan dan juga pendidikan.

"Baru-baru ini kita berbangga dengan kejayaan seorang graduan warga emas berumur 80 tahun yang telah mendapat Sarjana Sains Civil Engineering di Universiti Teknologi Brunei.

"Beliau menjadi teladan bagi warga emas yang lain dengan membuktikan bahawa umur bukanlah satu penghalang untuk seseorang itu terus berkembang dalam pembelajaran sepanjang hayat (*lifelong learning*)," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat menekankan kita amat menghargai usaha-usaha daripada pelbagai pihak, termasuk agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO), keluarga, komuniti setempat dan sukarelawan ke arah meningkatkan sistem sokongan bagi warga emas.

Antara program yang telah

dilaksanakan adalah seperti Program Kesedaran Penyakit Demensia yang telah dan akan terus dikendalikan oleh KKBS bersama Kementerian Kesihatan dan Demensia Brunei serta program-program penyelidikan dan peningkatan kesedaran di kalangan warga emas yang dijalankan oleh pihak Kementerian Kesihatan dengan Universiti Brunei Darussalam.

Projek Memeduli Warga Emas di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat dengan kerjasama Kementerian Kesihatan, persatuan-persatuan bukan kerajaan dan para sukarelawan.

Bermula pada tahun 2020, projek ini memeduli kesihatan dan kesejahteraan warga emas yang memerlukan, di samping menghulurkan bantuan secara langsung dan berterusan.

Melalui projek ini terang Yang Berhormat, pihak kerajaan juga telah menghulurkan bantuan secara *in-kind*, iaitu berupa lampin pakai buang dan susu kepada golongan warga emas yang tertentu, menurut garis panduan yang ditetapkan.

Setakat September 2024, seramai 46 warga emas telah menerima bantuan ini, yang mana pemberian ini diantar secara langsung kepada penerima-penerima di kediaman masing-masing setiap bulan untuk juga memastikan kemaslahatan mereka.

Pada tahun ini, penekanan kepada penjagaan yang berkualiti termasuk bagi warga emas menjadi fokus usaha KKBS.

Dengan kerjasama pelbagai pihak ujar Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, termasuk agensi kerajaan, swasta, institusi pengajian tinggi dan pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan, kursus-kursus penjagaan atau care provider yang diiktiraf atau bersijil akan ditawarkan khususnya kepada penjaga golongan warga emas dan kelainan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam perutusan sempena Hari Antarabangsa Warga Emas (HAWE) 2024.

upaya.

Dalam kesempatan ini, Yang Berhormat menyeru kepada ahli-ahli keluarga dan penjaga untuk melaksanakan amanah yang sewajarnya dalam memeduli dan tidak mengabaikan golongan yang rentan ini serta memastikan penjagaan dan sokongan yang komprehensif.

Di akhir perutusan, Yang Berhormat menzahirkan ucapan selamat menyambut HAWE, khusus kepada seluruh warga emas di NBD.

"Dengan segala kerendahan hati, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas segala jasa dan pengorbanan yang telah disumbangkan demi Raja, negara, masyarakat, agama dan bangsa untuk kebaikan generasi kini dan yang akan datang.

"Semoga usaha murni yang telah dicurahkan akan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan dilimpahi ganjaran yang besar di dunia dan di akhirat. Didoakan semoga sentiasa berjaya dan dikurniakan kekuatan selalu," ujar Yang Berhormat.

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

منجو كريضاعن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كولان فوسة دعوه اسلاميه

SILATURAHIM merupakan di antara sunnah yang dianjurkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Bersilaturahim juga merupakan di antara akhlak seorang Muslim. Ia adalah jalinan atau ikatan perhubungan yang dibina secara bersama-sama antara sesama keluarga, kaum kerabat, rakan dan tetangga. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisaa', ayat 36 yang mafhumnya :

"Dan sembahlah Allah dan janganlah kamu memperseketukan-Nya dengan suatu apa pun. Dan berbuat baiklah kepada ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, jiran tetangga yang dekat, jiran tetangga yang jauh, rakan sejawat, orang-orang musafir yang terlantar dalam perjalannya (yang terputus perbelanjaannya) dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak menyukai

orang yang sombong dan membanggabanggakan diri".

Di kalangan masyarakat kita sering menganggap silaturahim itu sebagai membala kebaikan. Namun hakikatnya ialah menyambung tali persaudaraan dengan orang yang memutuskan hubungan sepertimana hadis Imam Al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Abdullah bin 'Amr bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

"Orang yang menyambung silaturahim bukanlah orang yang menyambung hubungan yang sudah terjalin, akan tetapi orang yang benar-benar menyambung silaturahim adalah orang yang apabila tali silaturahim diputus, dia menyambungnya".

Imam Ahmad dalam kitab musnadnya meriwayatkan daripada 'Uqbah bin Amir berkata : "Wahai Rasulullah! Beritahu aku tentang amalan yang utama". Kemudian Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

"Wahai 'Uqbah! Hubungkan (tali persaudaraan) orang yang memutuskan hubungan denganmu, berilah kepada orang

yang tidak memberimu dan berpalinglah daripada orang yang menyalimimu".

Memutuskan hubungan silaturahim merupakan dosa besar dan Allah Subhanahu Wata'ala memberikan ancaman kepada pelakunya dengan berbagai seksa dan hukuman. Hadis riwayat Imam Muslim dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Aisyah berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Rahim (kasih sayang) itu tergantung di 'Arasy, ia berkata : Siapa yang menyambungkanku, nescaya Allah akan menyambungkannya. Siapa yang memutuskanku, nescaya Allah akan memutuskannya (pula)".

Terputusnya hubungan silaturahim di antaranya berpunca daripada pertengkar atau perselisihan yang disebabkan oleh harta benda, harta pusaka, hutang piutang, hasutan, fitnah, sombong dan mementingkan diri sendiri. Di samping itu perkelahian antara anak-anak, adik-beradik atau jiran tetangga juga boleh menyebabkan terputusnya ikatan silaturahim. Permusuhan dan pergisiran seperti ini boleh berpanjangan jika tidak ada

kesedaran diri atau tidak ada pihak lain yang berusaha meleraikan atau mendamaikan mereka yang bermusuhan.

Dalam peristiwa Israk dan Mikraj, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyaksikan segolongan lelaki dan wanita yang memotong satu potongan daging salah seorang daripada mereka. Kemudian mereka meletakkan potongan daging tersebut pada mulut salah seorang daripada mereka itu dan berkata kepadanya : "Makanlah seperti yang aku makan". Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bertanya : "Wahai Jibril, siapakah mereka itu?" Jibril 'alaihissalam menjawab : "Mereka inilah pengumpat, pencela serta pengadu domba".

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah diperlihatkan azab seksa bagi pengadu domba iaitu di antara sifat mazmumah yang boleh menyumbang kepada terputusnya hubungan silaturahim.

Banyak cara yang boleh dilakukan dalam usaha menghubung dan mengeratkan silaturahim seperti ziarah-menziarahi, saling bertegur sapa, saling berbuat kebaikan dan saling bertanya khabar. Lebih-lebih lagi pada zaman kini, pelbagai kaedah komunikasi dan teknologi canggih, mudah dan cepat boleh mendekatkan hubungan silaturahim hatta yang beribu batu jaraknya.



IRSYAD HUKUM



Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn

E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

SALAH satu rukun daripada rukun-rukun nikah ialah dua orang saksi. Akad nikah yang dilaksanakan tanpa kehadiran dua orang saksi adalah tidak sah. 'Aisyah Radhiallahu 'anha meriwayatkan bahawa Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

Maksudnya: Tidak (sah) pernikahan melainkan dengan wali dan dua saksi yang 'adil, dan suatu pernikahan (yang dilaksanakan) tidak sedemikian, maka ia adalah (pernikahan yang) batil (tidak sah).

(Hadits riwayat Ibn Hibban)

Pada kebiasaannya, saksi dalam majlis akad nikah itu dipilih dari kalangan ahli keluarga terdekat sama ada daripada pihak keluarga bakal suami atau bakal isteri atas keutamaannya daripada orang lain dalam keluarga berkenaan. Keutamaan itu sama ada dilihat dari sudut pengetahuan ugama,

Saksi Dalam Akad Nikah

umur, kedudukan, hubungan kekeluargaan dan seumpamanya.

Namun yang menjadi persoalan ialah siapakah yang dibolehkan menjadi saksi dalam akad nikah dan apa pula syarat-syarat yang perlu dipenuhinya? Irsyad hukum pada kali ini akan menjelaskan mengenai perkara tersebut.

Syarat-syarat bagi saksi nikah ialah seperti berikut:

1. Islam.
2. Merdeka.
3. Berakal.
4. Baligh.
5. Lelaki.
6. 'Adil', Maksud 'adil' di sini ialah pada zahirnya tidak fasiq iaitu tidak melakukan dosa-dosa besar dan tidak berterusan melakukan dosa-dosa kecil.
7. Orang yang boleh mendengar walaupun dengan suara yang tinggi. Tidak diterima kesaksian orang tuli atau orang yang tidur.
8. Orang yang boleh melihat. Tidak diterima kesaksian orang buta.
9. Orang yang boleh bercakap. Tidak diterima kesaksian orang bisu.
10. Orang yang *rasyid* iaitu orang yang mampu mengurus harta dan ugamanya. Tidak diterima kesaksian orang yang tidak mampu mengurus harta dan ugamanya kerana lemah akalnya.
11. Orang yang tidak mempunyai masalah ingatan disebabkan sifat lalai dan lupa.
12. Orang yang faham bahasa yang

digunakan oleh dua orang yang berakad.

13. Orang yang tidak menjadi wali nikah dalam pernikahan tersebut. Sebagai contoh, seorang bapa telah mewakilkan perwaliannya kepada jurunikah dan bapa tersebut bersama seorang saksi yang lain menjadi saksi pernikahan anak yang dia walikan itu, maka tidak diterima kesaksian bapa berkenaan.

Selain daripada dua orang saksi yang disyaratkan tersebut, sunat dijemput orang-orang salih untuk hadir dalam majlis pernikahan berkenaan dan mendengar akad nikah.

Orang yang memenuhi kesemua syarat bagi saksi nikah boleh menjadi saksi nikah dan diterima kesaksianya, sama ada dia adalah daripada pihak keluarga bakal suami atau bakal isteri, sama ada daripada ahli keluarga atau bukan ahli keluarga. Walau bagaimanapun, bagi ahli keluarga bakal isteri yang hendak menjadi saksi dalam pernikahan tersebut hendaklah dipastikan bahwa dia tidak menjadi wali nikah dalam pernikahan tersebut.

Orang-orang yang berhak menjadi wali bagi bakal isteri ialah bapa, datuk (bapa kepada bapa) hingga ke atas, saudara lelaki seibus seba, saudara lelaki seibus, anak lelaki kepada saudara lelaki seibus seba hingga ke bawah, anak lelaki kepada saudara lelaki sebus hingga ke bawah, bapa saudara sebus seba sebelah bapa, bapa saudara sebus sebelah bapa, anak lelaki kepada bapa saudara sebus seba sebelah bapa hingga ke bawah, anak lelaki kepada bapa saudara sebus sebelah bapa hingga ke bawah.

Sebagai gambaran mengenai perkara ini, misalnya bakal isteri mempunyai beberapa orang ahli keluarga yang berhak menjadi wali pernikahannya. Bakal isteri mempunyai tiga orang saudara lelaki yang berhak menjadi wali dan salah seorang dari mereka telah ditentukan menjadi wali dalam pernikahan tersebut. Maka saudara lelaki yang telah ditentukan menjadi wali itu tidak sah menjadi saksi dalam pernikahan tersebut sekalipun dia telah mewakilkan

orang lain untuk melaksanakan akad nikah bagi pihaknya. Adapun dua orang saudara lelaki yang tidak ditentukan menjadi wali itu boleh menjadi saksi sama ada salah seorang dari mereka atau kedua-duanya.

Selain itu antara ahli keluarga yang boleh menjadi saksi akad nikah itu ialah anak lelaki kepada bakal suami atau bakal isteri. Imam al-Mahalli *Rahimahullah* ketika mensyarahkan kitab *Minhaj ath-Thalibin* menyebut mengenai perkara ini dengan katanya:

ertiinya: Dan menurut pendapat *alashah*, adalah sah pernikahan dengan (bersaksikan) dua orang anak lelaki kepada kedua-dua (bakal) suami isteri, iaitu dengan (bersaksikan) dua anak lelaki kepada setiap seorang daripada keduanya (bakal suami atau bakal isteri tersebut), atau seorang anak lelaki kepada salah seorang daripada keduanya (bakal suami atau bakal isteri) dan seorang anak lelaki kepada yang seorang lagi.

Oleh yang demikian, saksi yang terdiri daripada anak lelaki kepada bakal suami dan isteri itu ada empat gambaran:

- a. Kedua-dua saksi ialah anak lelaki kepada bakal suami.
- b. Kedua-dua saksi ialah anak lelaki kepada bakal isteri.
- c. Kedua-dua saksi ialah anak lelaki kepada kedua-dua pasangan suami isteri tersebut.
- d. Seorang saksi ialah anak lelaki kepada bakal suami, manakala seorang saksi lagi ialah anak lelaki kepada bakal isteri.

Begini juga bapa kepada bakal suami boleh menjadi saksi nikah sebagaimana yang disebut oleh asy-Syaikh 'Amirah al-Burullusi *Rahimahullah* dalam kitabnya:

ertiinya: (Adalah sah pernikahan) dengan (bersaksikan) dua orang anak lelaki kepada (bakal) suami isteri, (kedudukan) datuk-datuk juga adalah sama seperti keduanya (anak lelaki kepada bakal suami isteri), dan begitu juga bapa kepada (bakal) suami. Adapun bapa kepada (bakal) isteri, maka sesungguhnya ia (kesaksianya) tidak sah.

Demikian penjelasan mengenai saksi akad nikah.

Kursus tingkatkan kemahiran, pengetahuan para usahawan

Siaran Akhbar dan Foto : Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 September. - Demi mencapai salah satu matlamat strategik Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) iaitu mendukung pencapaian taraf sara diri, YSHHB turut mendukung usaha kerajaan membantu meningkatkan tahap sara diri golongan yang memerlukan bantuan melalui program keusahawanan di bawah Skim Pembiayaan Kebajikan.

Skim Pembiayaan Kebajikan merupakan bantuan pengupayaan diri khusus bagi golongan sasar yang memerlukan iaitu berupa pemberian bantuan modal bagi menjalankan perusahaan berserta beberapa program dan kursus kemahiran yang bersesuaian.

Sehubungan itu, YSHHB telah menganjurkan Kursus Latihan Khas Beriktiraf yang bertujuan membantu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para usahawan mengenai tatacara terbaik dalam perniagaan dan teknik-teknik terkini untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti produk masing-masing.

Kursus yang berlangsung selama lapan hari bermula 23 September berakhir hari ini dengan Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan di Dewan Pusat Belia.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta ialah Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan

binti Haji Abdul Razak juga selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Terdahulu, Dr. Nor Imtihan dalam ucapan alu-aluananya mengongsikan bahawa YSHHB telah diiktiraf dan terpilih bagi pihak Negara Brunei Darussalam untuk menjadi penerima Anugerah Perniagaan Inklusif ASEAN (ASEAN IB) Ke-7 Tahun 2024 dengan mengambil kira bantuan-bantuan dan sumbangan YSHHB melalui Program Sara Diri.

"Program tersebut telah membantu golongan keluarga yang kurang berkemampuan dan berpendapatan rendah untuk memulakan perniagaan dengan diberikan latihan kemahiran dan bantuan modal yang dipantau sehingga mereka berjaya dan mandiri seterusnya membantu keluarga lain yang baru berkecimpung dalam bidang perniagaan.

"Rantaian bantuan yang berterusan dalam program tersebut adalah menepati kriteria penilaian ASEAN IB dan telah menarik minat Jawatankuasa Penyelaras ACCMSME," jelas beliau.

Menurutnya lagi, adalah perlu disedari bahawa dengan adanya Program-program Keusahawanan yang diungkayahkan oleh pihak-pihak kerajaan dan YSHHB telah menampakkan hasil yang memberangsangkan dan diharap ia akan berterusan melalui kerjasama kerjasama berpanjangan yang memerlukan penglibatan semua



SETIAUSAHA Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) Kementerian Pembangunan selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB semasa sesi bergambar ramai (atas). Manakala gambar bawah, suasana pada

pihak dan lapisan masyarakat dengan pendekatan secara holistik di antara agensi-agensi yang ada di NBD melalui pendekatan Whole of Nation.

Para peserta adalah diseru untuk sentiasa bersemangat dan berusaha semampu mungkin untuk mengambil ilmu, pengajaran dan ikhtiar daripada apa jua aktiviti dan pengisian sepanjang kursus ini diadakan.

Seramai 30 peserta terdiri daripada Usahawan Bakarif YSHHB menyertai kursus berkenaan. Selain itu, YSHHB juga menjemput peserta program keusahawanan daripada abatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) untuk ikut serta.

Penganjuran bengkel ini telah mendapat sokongan padu daripada

rakan strategik YSHHB iaitu Pusat JAPEM, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Pusat Pembangunan Belia; dan



BENGKEL KETENGAHKAN PENGURUSAN, PEMULIHARAAN BIODIVERSITI

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



SETIAUSAHA Tetap, KSSUP hadir selaku tetamu kehormat semasa menyampaikan ucapan alu-aluan.

BERAKAS, Selasa, 1 Oktober.

- Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Perhutanan pagi tadi mengadakan Bengkel Pengemaskinian Dasar Biodiversiti Negara dan Pelan Tindakan Strategik (National Biodiversity Policy and Strategic Plan of Action - NBPSPA) selama dua hari bermula hari ini, bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Bangunan KSSUP, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara pembukaan rasmi bengkel tersebut ialah Setiausaha

Tetap, KSSUP, Dayang Hajah Tutiati binti Haji Abdul Wahab.

Dayang Hajah Tutiati dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan antara perkara yang perlu diketengahkan ialah tanggungjawab bagi pengurusan sumber biodiversiti negara, ia bukanlah perlu dipikul oleh satu agensi kerajaan sahaja.

"Agar pengurusannya dapat dilaksanakan secara teratur dan efektif, ia perlu kefahaman dan kerjasama daripada pelbagai pihak, sama ada daripada agensi kerajaan atau bukan kerajaan.

"Kepentingan biodiversiti bukan sahaja menjurus kepada kestabilan alam sekitar, malah ia juga adalah penting untuk pembangunan sosial dan ekonomi negara," terangnya lagi.

Bengkel berkenaan merupakan komitmen Negara Brunei Darussalam (NBD) selaku parti kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Konvensyen Kepelbagai Biologi (UNCBD), khususnya terhadap penyelarasan dan pengemaskinian dasar biodiversiti negara ini selaras dengan petunjuk-petunjuk yang terkandung dalam Kunming-Montreal Global Biodiversity Framework (KMGBF).

Dengan penyelarasan dan pengemaskinian tersebut, adalah diharapkan agar inisiatif-inisiatif pengurusan dan pemuliharaan biodiversiti di peringkat nasional dan antarabangsa akan memberikan impak yang ketara, iaitu bagi mengurangkan kehilangan atau

kepususan biodiversiti menjelang tahun 2030.

Melalui bengkel tersebut, adalah diharapkan juga dasar biodiversiti yang dikemas kini adalah menyeluruh, merangkumi dan mengambil kira semua kepentingan dan aspek daripada semua pihak yang berkepentingan.

NBD dan juga negara-negara parti kepada CBD akan mengongsikan dasar biodiversiti kebangsaan masing-masing ke Persidangan Biodiversiti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2024 bagi Ahli kepada Konvensyen Kepelbagai Biologi (The 2024 United Nations Biodiversity Conference of the Parties to the UN Convention on Biological Diversity, COP CBD 16) yang dijadualkan untuk

diadakan pada 21 Oktober hingga 1 November 2024 di Cali, Colombia.

NBD akan sentiasa komited dan akan terus memberikan sokongan terhadap mana-mana inisiatif yang berkaitan dengan pengurusan dan pemuliharaan biodiversiti.

Pengurusan biodiversiti secara mampan adalah perlu demi kepentingan sosial, ekonomi dan kestabilan alam sekitar, bukan sahaja untuk generasi masa kini, tetapi juga untuk generasi akan datang.

Bengkel berkenaan disertai oleh agensi-agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi dan agensi bukan kerajaan yang berkepentingan terhadap pengurusan dan pemuliharaan biodiversiti.



SEBAHAGIAN daripada yang hadir pada bengkel berkenaan (kiri dan atas).

MINDA PEMBACA

Memperluas rangkaian industri halal

INDUSTRI halal kini semakin berkembang pesat, bukan sahaja di negara-negara Islam, tetapi juga di seluruh dunia. Pada dasarnya, industri halal merujuk kepada produk dan perkhidmatan yang mematuhi syariat Islam, termasuk makanan, minuman, kosmetik, farmaseutikal, dan perbankan. Lebih menarik lagi, permintaan terhadap produk halal semakin meningkat kerana kesedaran pengguna terhadap aspek kebersihan, keselamatan, dan etika dalam pengeluaran.

Satu aspek penting dalam memperluas rangkaian industri halal ialah kerjasama antara kerajaan dan sektor swasta. Kerajaan perlu memperkuuh peraturan dan pensijilan halal bagi memastikan kualiti dan integriti produk yang dihasilkan. Sebagai contoh, Malaysia dan Brunei telah berjaya menjadi hab halal global melalui inisiatif pensijilan halal yang diiktiraf di

peringkat antarabangsa. Selain itu, negara-negara Islam perlu memperluas jalinan perdagangan dan kerjasama strategik dengan negara bukan Islam yang juga berminat untuk mengakses pasaran halal.

Seterusnya, inovasi teknologi memainkan peranan besar dalam mengembangkan industri halal. Dengan adanya teknologi moden, pengeluaran produk halal dapat dipercepatkan dan dipantau dengan lebih efisien. Tambahan pula, penggunaan teknologi *blockchain* misalnya, boleh membantu menjelaki keseluruhan rantai bekalan produk halal untuk memastikan ketulusan dan kepatuhan kepada standard halal.

Walau bagaimanapun, cabaran yang dihadapi adalah kurangnya kesedaran dalam kalangan masyarakat global mengenai potensi besar industri halal. Oleh itu, promosi yang lebih agresif perlu dilakukan melalui platform media dan pameran antarabangsa. Sebagai

contoh, pameran Halal Expo yang dianjurkan setiap tahun menarik perhatian pelabur dan pengguna dari pelbagai negara.

Kesimpulannya, memperluas rangkaian industri halal memerlukan kerjasama yang erat antara kerajaan, sektor swasta, dan masyarakat. Secara tidak langsung, ini membuka peluang ekonomi yang luas dan meningkatkan daya saing negara di peringkat global. Justeru, dengan komitmen yang kukuh, industri halal mampu menjadi salah satu teras ekonomi yang penting dan relevan dalam pembangunan ekonomi dunia.

Nama : Adib Zainul Zaky bin Haji Abdul Manaf
No. K/P : 01-135XXX

Serahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Tingkat Kesedaran Kesan Penderaan, Pencabulan Kanak-kanak'. Tarikh Tutup : 2 Oktober 2024
- 'Teladani Sunnah Rasulullah Dalam Kehidupan Seharian'. Tarikh Tutup : 9 Oktober 2024
- 'Menjaga Keamanan Serantau'. Tarikh Tutup : 16 Oktober 2024

Terma dan Syarat :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkah dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan diantarat kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



Bilangan Tawaran:
02 / BBS / SH / 2024 – 2025 J.1

Keterangan Projek:
Supply, Delivery And Install Of Smart TV, HDMI Cable And Splitter And Power Extension For Jabatan Bandaran Kuala Belait and Seria

Yuran Tawaran:
BND5.00 (Non-refundable)

Tarikh Tutup :
Selasa, 15 Oktober 2024.
Jam 2.00 Petang.



Bahagian Khidmat Bakti Negara [BKBN] Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
25 / SEPTEMBER / KKBS / BKBN / PJD / 1.56 / 24

Tajuk Sebut Harga:
Pembelian Hadiah Bagi Program Jati Diri Kohort 7

Tarikh Tutup :
Khamis, 10 Oktober 2024.
Jam 2.00 Petang.



JABATAN MUZIUM-MUZIUM KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan Sebut Harga:
26 / JMM / S / 12 / 91 (2024 / 2025)

Tajuk Sebut Harga:

Sebut Harga Bagi Projek 'Replace Of New Uninterruptible Power Supply (UPS) Battery And System Check For CCTV In KDN Security Room At Muzium Alat Kebesaran Diraja, Bandar Seri Begawan'

Tarikh Tutup :

Khamis, 24 Oktober 2024.
Jam 2.00 Petang.



JABATAN MUZIUM-MUZIUM KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan Sebut Harga:
27 / JMM / S / 12 / 91 (2024 / 2025)

Tajuk Sebut Harga:

Sebut Harga Bagi Projek 'Replace Of New Uninterruptible Power Supply (UPS) Battery, Poe & Switch And System Check For CCTV At Muzium Maritim, Kota Batu'

Tarikh Tutup :

Khamis, 24 Oktober 2024.
Jam 2.00 Petang.



Bilangan Sebut Harga:
29 / JMM / S / 12 / 91 (2024 / 2025)

Tajuk Sebut Harga:

Sebut Harga Bagi Pembelian Single-Sided Shelving Untuk Bahagian Perpustakaan, Jabatan Muzium-Muzium

Tarikh Tutup :

Khamis, 31 Oktober 2024.
Jam 2.00 Petang.



Bahagian Teknologi Maklumat Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam

Bil. Sebut Harga:
40 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2024
Fortigate-1101E License Renewal
For Ministry Of Religious Affairs

Bil. Sebut Harga:
41 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2024
Fortigate-401E License Renewal
For Kolej Universiti
Perguruan Ugama Seri Begawan

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
16 Oktober 2024.
Jam 2.00 Petang.



Bilangan Tawaran:
BBS / TP(TT)(1) / 2024 – 2025

Keterangan Projek:
Remove, Supply And Install Of Teflon Tent At Gerai Taman Persiaran Jalan Sungai, Kuala Belait.

Dibuka Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran :
BND30.00

Tarikh Tutup :
Selasa, 15 Oktober 2024.
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibuka Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :
II dan III sahaja

Kategori :
B01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM027 / 2024

Bil. Projek
2024DBSBM/MTIC.01

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaik Pulih Dinding Luar dan Kerja Yang Berkaitan Pada Bangunan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
15 Oktober 2024,

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 29 Oktober 2024.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN HAL EHWAH LUAR NEGERI

Jabatan Pertubuhan- Pertubuhan Antarabangsa Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

Iklan Jawatan Kosong

Jawatan Kosong Di Sekretariat Komanwel, London, United Kingdom

Jawatan :
Gender Officer

Kekosongan :

1

Tarikh Tutup :
8 Oktober 2024

Untuk makluman, maklumat lanjut mengenai jawatan tersebut termasuk permohonan boleh didapati melalui laman sesawang : <http://thecommonwealth.org/jobs>



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas :
II & III

Kategori :
KA01 Kod Baharu

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
15 Oktober 2024

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 35 / CQS / 2024-T / II

Nama Projek:
Jambatan Baharu Menuju Ke Sekolah Rendah Dato Jamil, Kampung Setia Kampong Ayer

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
29 Oktober 2024.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.





1. Bilangan Tawaran :
49 / BBS / SH / BKA / 2024 – 2025

Keterangan Projek:
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Membuka Keseluruhan Dinding Kaca Pada Aras Bawah Ruang Kedai No.109 Bangunan Pusat Perniagaan Kuala Belait, Jalan Mckerron Kuala Belait.

2. Bilangan Tawaran :
50 / BBS / SH / BKA / 2024 – 2025

Keterangan Projek:
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Mengganti Baharu Pada Tabir Jendela Yang Rosak Di Bangunan Utama Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria, Jalan Mckerron Kuala Belait.

3. Bilangan Tawaran :
51 / BBS / SH / BKA / 2024 – 2025

Keterangan Projek:
Sebut Harga Bagi Repair Works To Roller Shutter Doors Rear Entrance At Pasarneka Building Kuala Belait, Jalan Pasarneka Kuala Belait.

4. Bilangan Tawaran :
52 / BBS / SH / BKA / 2024 – 2025

Keterangan Projek:
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Pembaikan Kerosakan Barek Kerajaan JKR No.305C Jalan Puteri Brunei Kuala Belait

5. Bilangan Tawaran :
53 / BBS / SH / BKA / 2024 – 2025

Keterangan Projek:
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Pembaikan Kerosakan Barek Kerajaan JKR No.770/B1, Simpang 36-35 Jalan Derma Wangsa Kuala Belait.

6. Bilangan Tawaran :
54 / BBS / SH / BKA / 2024 – 2025

Keterangan Projek:
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Membaiki Kerosakan Pada Tandas Awam Di Bangunan Pasarneka Kuala Belait, Jalan Pasarneka Kuala Belait.

Dibuka kepada pemberong-pemberong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan



Dibukakan Kepada Pemberong-Pemberong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
(II & III Sahaja)

Kategori:
[P01 & M03 Sahaja]

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 032 / 2024

Nama Projek:
Membekal dan Menghantar Alat Ganti Untuk Kerja Overhaul Pam Air Mentah No 2 : Di Loji Rawatan Air Layong, Tutong

Kelas:
(II atau III Sahaja)

Kategori:
[KA01 & M03 Sahaja]

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 033 / 2024

Nama Projek:
Membekal, Menghantar dan Memasang Pam Air Mentah Di Stesen Pam Air Mentah Loji Rawatan Air Bukit Barun Peringkat 4 & 5, Tutong

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
15 Oktober 2024 (Selasa)

Tarikh Tutup:
29 Oktober 2024, (Selasa). Tidak lewat dari jam 2.00 Petang.

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)



Negara Brunei Darussalam (Kelas I dan II Kategori S02)

Yuran Tawaran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
8 Oktober 2024.
(Selasa)



Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

Iklan Jawatan Kosong

Jawatan Kosong Di Sekretariat Komanwel, London, United Kingdom

Jawatan :
Adviser and Head - Ocean Trade, Oceans and Natural Resources Directorate

Kekosongan :
1

Tarikh Tutup :
8 Oktober 2024.

Untuk makluman, maklumat lanjut mengenai jawatan tersebut termasuk permohonan boleh didapati melalui laman sesawang : <http://thecommonwealth.org/jobs>



Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0029 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
“To Supply, Delivery, Installation, Testing, Commissioning And Onsite User Training For Pockit Hand-Held Micro Plus Nucleic Acid Analyzer For The Detection Of Shrimp Diseases Complete With Accessories, Testing And Extraction Kit For Aquatic Animal Health Laboratory Services Center, Department Of Fisheries”

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0030 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
“To Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Bio Spectrophotometer For The Measurement Of Nucleic Acid Concentration And Purity For PCR Testing, Aquatic Animal Health



KEMENTERIAN HAL EHWAH LUAR NEGERI

Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

Iklan Jawatan Kosong

Jawatan Kosong Di Sekretariat Komanwel, London, United Kingdom

Jawatan :
Office Manager (Joint Office for Commonwealth Permanent Missions to the United Nations in New York)

Kekosongan :
1

Tarikh Tutup :
14 Oktober 2024.

Untuk makluman, maklumat lanjut mengenai jawatan tersebut termasuk permohonan boleh didapati melalui laman sesawang : <http://thecommonwealth.org/jobs>



And Laboratory Services Center, Department Of Fisheries”

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0031 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
“Technical Service, Preventive Maintenance And Calibration Of Two Units Carl Zeiss Digital Microscope In Accordance To Manufacturing Specification”

Tarikh Tutup :
Khamis, 17 Oktober 2024.
Jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga:
KSSUP / BIOS / TRAINING / JKSH / 01 / 2024 - 2025

Tajuk Sebut Harga:
“Certification Training On Auditing For Plant Commodities Inspection Related To Biosecurity And Food Safety Measures”

Tarikh Tutup Mengambil Borang

Sebut Harga:
10 Oktober 2024,
Khamis, Jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Sebut Harga:
10 Oktober 2024,
Khamis,
Jam 2.00 Petang.

Yuran Setiap Satu Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)



JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI

JABATAN PERDANA MENTERI

Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 113 / 24 - 25
Supply And Delivery Of Digital Recorder For TV Studio

Bayaran Yuran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BN5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu,
9 Oktober 2024.
Jam 2.00 Petang.



IKLAN



**MAHKAMAH BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Syarikat (Pengulungan) Bilangan
BCY / ICWP / 7 / 2024**

Dalam Perkara Akta Perintah
Insolvensi 2016
Dalam Perkara Sunech Concrete
Sdn. Bhd.

Di antara

Koh Hoe Eng - Pemetisyen

Dan

**Sunech Concrete Sdn. Bhd. -
Responden**

**Syarikat (Pengulungan),
Bilangan BCY / ICWP / 3 / 2024**

Dalam Perkara Akta Perintah
Insolvensi (Pengulungan)
Aturan 2018
Dalam Perkara Zentech Sendirian
Berhad

**Notis Perjumpaan Pertama
Pemutang**

(Di bawah Perintah Pengulungan
bertarikh 22 Jun 2024)

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa Perjumpaan Pertama
Pemutang mengenai perkara di
atas akan diadakan di Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi,
**Tingkat 1, Bilik (L1-7) Mahkamah
Besar, pada 29 Ogos 2024,
jam 9.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi
di sana bukti-bukti kamu mestilah
diserah-simpan kepada saya tidak
lewat dari 24 jam sebelum waktu
yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan
di perjumpaan ini mestilah
diserah-simpan kepada saya
tidak lewat dari 24 jam sebelum
waktu yang telah ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Bertarikh :
13 Julai 2024

Kes No.
BCY / CP / 94 / 2024

**Baiduri Finance Berhad
- Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen**

**Hajah Rusinah binti Haji Sabtu
(BYIC No. 00-078649)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang**

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :

a.) Satu Perintah Penerimaan
telah dibuat terhadap Penghutang
yang berikut pada **29 Jun 2024**.

**Nama dan alamat
terakhir diketahui :**
**Hajah Rusinah binti Haji Sabtu
No. 24, Simpang 33,
Perpindahan Mentiri,
Jalan Kota Batu BU2919,
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Petisyen :
28 Mei 2024

b.) Semua sipiutang-sipiutang
kepada nama Penghutang
yang tersebut di atas hendaklah
menghadapkan borang-borang
bukti hutang yang boleh diperoleh
di Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar kepada
Penghutang tersebut di atas
hendaklah dihadapkan kepada
Pejabat Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Negara
Brunei Darussalam.

Penghutang tersebut di atas
hendaklah dihadapkan kepada
Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 2, Bangunan Mahkamah
Besar, Bandar Seri Begawan, Negara
Brunei Darussalam.

**Notis Kepada Pemutang untuk
Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **18 Julai 2024**.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
pemutang-pemutang mengenai
perkara di atas akan diadakan di
Pejabat Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 1, Bilik (L1-7), Mahkamah
Besar pada **26 Ogos 2024,
jam 10.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi
di sana bukti-bukti kamu mestilah
diserah-simpan kepada saya tidak
lewat dari 24 jam sebelum waktu
yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan
di perjumpaan ini mestilah
diserah-simpan kepada saya
tidak lewat dari 24 jam sebelum
waktu yang telah ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi
penghutang adalah ditetapkan
pada **23 September 2024, jam 9.00
Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemutang yang
telah menyerahkan bukti, atau
wakil-wakilnya yang diberi kuasa
secara bertulis, bolehlah menyatakan
penghutang semasa pemeriksaan
awam penghutang, mengenai
dengan hal-halnya dan juga
sebab kegalannya.

Bertarikh :
31 Julai 2024

Kes No.
BCY / CP / 300 / 2019

**Bank Islam Brunei Darussalam
Berhad**
- Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

**Mohammad Rosamirul
bin Haji Samat
(BYIC No. 00-291225)**
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :

a.) Satu Perintah Penerimaan
telah dibuat terhadap Penghutang
yang berikut pada **29 Jun 2024**.

**Nama dan alamat terakhir
diketahui :**

**Mohammad Rosamirul
bin Haji Samat
No. 82A, Simpang 84, Kampung
Anggerek Desa BB3713,
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Petisyen :
28 Mei 2024

b.) Semua sipiutang-sipiutang
kepada nama Penghutang
yang tersebut di atas hendaklah
menghadapkan borang-borang
bukti hutang yang boleh diperoleh
di Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar kepada
Penghutang tersebut di atas
hendaklah dihadapkan kepada
Pejabat Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Negara
Brunei Darussalam.

**Notis Kepada Pemutang untuk
Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **29 Jun 2024**.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan

pemutang-pemutang mengenai
perkara di atas akan diadakan di
Pejabat Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 1, Bilik (L1-7), Mahkamah
Besar pada **26 Ogos 2024,
jam 10.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi
di sana bukti-bukti kamu mestilah
diserah-simpan kepada saya tidak
lewat dari 24 jam sebelum waktu
yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan
di perjumpaan ini mestilah
diserah-simpan kepada saya
tidak lewat dari 24 jam sebelum
waktu yang telah ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi
penghutang adalah ditetapkan
pada **26 Ogos 2024, jam 10.00
Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemutang yang
telah menyerahkan bukti, atau
wakil-wakilnya yang diberi kuasa
secara bertulis, bolehlah menyatakan
penghutang semasa pemeriksaan
awam penghutang, mengenai
dengan hal-halnya dan juga
sebab kegalannya.

Bertarikh :
29 Julai 2024

Kes No.
BCY / CP / 5 / 2013

**Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Pertama**

Nama Penghutang : Mohamad
Zulkifari bin K. Awang Damit
(BYIC No.: 00-271019). **Alamat** –
No. 6B, Simpang 5, RPN Kampung
Pandan, Kuala Belait KA2131,
Negara Brunei Darussalam.

Mahkamah - Mahkamah Besar,
Negara Brunei Darussalam.

Nombor - Kebankrapan Bil. 224

Tahun 2014 **Banyaknya bagi tiap-tiap
satu ringgit** - 100%. **Pertama** atau
atau **terakhir selainnya** - Pertama
Bila Kena Dibayar - 8 April 2024.
Di mana Kena Bayar - Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat
2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
25 Mei 2024

Kes No.
BCY / CP / 224 / 2014

**Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Terakhir**

Nama Penghutang : Nur Amal
Hayati binti Abdullah (BYIC No.:
00-276077). **Alamat** – No.5, Blok

D32, Simpang 12, Jalan Rotan
Gajah, RPN Lumut KC5335,
Negara Brunei Darussalam.

Mahkamah - Mahkamah Besar,
Negara Brunei Darussalam.

Nombor - Kebankrapan Bil. 224

Tahun 2014 **Banyaknya bagi tiap-tiap
satu ringgit** - 100%. **Pertama** atau
atau **terakhir selainnya** - Pertama
Bila Kena Dibayar - 14 Mac 2024.

Di mana Kena Bayar - Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat
2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
25 Mei 2024

Kes No.
BCY / CP / 396 / 2019

**Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Terakhir**

Nama Penghutang : Mohamad
Shah Faizan bin Jahri (BYIC No.:
00-292773). **Alamat** – No.108,

Simpang 126, STKRJ Kg. Rimba
Gadong, BE3119, Negara
Brunei Darussalam.

Mahkamah - Mahkamah Besar,
Negara Brunei Darussalam.

Nombor - Kebankrapan Bil.396

Tahun 2019 **Banyaknya bagi tiap-tiap
satu ringgit** - 100%. **Pertama** atau
atau **terakhir selainnya** - Pertama
Bila Kena Dibayar - 12 Februari

2024. **Di mana Kena Bayar** -
Pejabat Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan
Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
21 Mac 2024

Kes No.
BCY / CP / 556 / 2016

**Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Terakhir**

Nama Penghutang : Pengiran
Damit bin Pengiran Metarsat
(BYIC NO. 00-113163). **Alamat** –
No.82, Simpang 256-45,

Perumahan Kembar, Kampung
Rimba Gadong BE3119, Negara
Brunei Darussalam.

Mahkamah - Mahkamah Besar,
Negara Brunei Darussalam.

Nombor - Kebankrapan Bil.556

Tahun 2016 **Banyaknya bagi tiap-tiap
satu ringgit** - 44%. **Pertama** atau
atau **terakhir selainnya** - Pertama
Bila Kena Dibayar - 11 Mac 2024.

Di mana Kena Bayar - Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat
2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
16 Julai 2024

Kes No.
BCY/CP/556/2016

**Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Terakhir**

Nama Penghutang : Baiduri
Finance Berhad

**Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen**

**Pengiran Damit
Bin Pengiran Metarsat
(BYIC NO. 00-113163)**
**Penghutang Penghakiman /
Penentang**

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa
Perintah Penerimaan yang dibuat
terhadap Penghutang berikut
pada 14 Disember 2017 telah
dibatalkan pada 13 Julai 2024.

Nama Penghutang:
Manaf bin Haji Abdul Rahman

Alamat Penghutang:
No.122,
Kampung Telisai,
Tutong TC335,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh:
16 Julai 2024

Kes No.
BCY/CP/556/2016


**Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Terakhir**

Nama Penghutang : Hajah
Rusinah binti Haji Sabtu
(BYIC No. 00-078649)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

**Pengiran Damit
Bin Pengiran Metarsat
(BYIC NO. 00-113163)**
**Penghutang Penghakiman /
Penentang**

Notis Pembatalan

Sila ambil per



KE ARAH MELAHIRKAN PEMIMPIN YANG BERKEYAKINAN, BERWIBAWA



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) semasa bergambar ramai pada Pertandingan Pidato Serantau anjuran UNISSA bersempena dengan Mahrajan Hafli-Takharruj Ke-14 yang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 September. - Pertandingan Pidato Serantau yang julung kali dianjurkan oleh Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) merupakan wadah terbaik untuk mengedepankan bakat terpendam para mahasiswa dan mahasiswi untuk tampil ke hadapan khalayak ramai.

Pertandingan yang dikendalikan bersama oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UNISSA ini diadakan bersempena dengan Mahrajan Hafli-Takharruj Ke-14 yang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Antara objektif pertandingan ini adalah untuk menonjolkan bakat-bakat terpendam mahasiswa mahasiswi dalam bidang pengucapan umum, meluaskan pengetahuan para pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam

menggunakan Bahasa Melayu dengan tepat dan Mahasiswa/i dapat membina keyakinan diri dan sedia bersaing secara sihat dalam pertandingan.

Pertandingan ini telah dibukukan kepada IPT tempatan dan antarabangsa. Para peserta IPT tempatan adalah dari Universiti Brunei Darussalam (UBD); Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) termasuk UNISSA.

Peserta-peserta dari universiti luar negara yang turut serta pertandingan pidato serantau pada tahun ini adalah Universiti Tun Abdul Razak, Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Sultan Azlan Shah, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Universiti Teknologi Mara Shah Alam, Universiti Utara Malaysia, Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak dan Universiti Kebangsaan Malaysia adalah dari

IPT Malaysia.

Manakala Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang dan Universitas Ahmad Dahlan mewakili IPT dari Republik Indonesia.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfian bin Haji Zainal.

Juara disandang oleh Muhammad Mukhlisul Mubin bin Julasapiyah daripada Universiti Kebangsaan Malaysia, diikuti oleh Najmi Adli bin Mustaffa daripada Universiti Sains Islam Malaysia sebagai Naib Juara dan tempat ketiga; Roselind Nadiera binti Talib, Universiti Sultan Azlan Shah, Malaysia.

Para pemenang masing-masing menerima sijil, wang tunai dan cenderahati yang ditaja oleh UNISSA.

Dalam ucapan penutup yang disampaikan oleh Nurhafizatulhikmah binti Haji

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Seribini, selaku Pengurus Bersama Mahrajan Hafli-Takharruj Ke-14, pertandingan ini adalah salah satu usaha menzahirkan komitmen berterusan UNISSA untuk menonjolkan kepentingan Maqasid Syariah dalam melaksanakan dan mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Pidato tambahnya merupakan satu cabang seni pengucapan yang mana keberkesanannya tergantung kepada kombinasi penghujahan yang jelas dan penyampaian yang menarik perhatian orang ramai.

Kemahiran ini penting bagi melahirkan pemimpin yang berkeyakinan dan berwibawa, yang mampu untuk meraih perhatian khalayak umum di dalam dunia sekarang yang mempunyai daya tumpuan yang singkat.

Diharap pengalaman yang dapat diperoleh dari pertandingan ini dapat meluaskan pengetahuan para pelajar IPT dalam bidang yang dikupas bersesuaian dengan tema Maqasid Syariah Teras Matlamat Pembangunan Mampan dalam usaha pengekalan (sustainability) dan memartabatkan kemahiran pengucapan umum pidato ini untuk terus dihayati oleh generasi muda.



Turut hadir di majlis tersebut ialah wakil dari Kedutaan Besar Republik Indonesia dan wakil dari Suruhanjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Penolong-penolong Rektor UNISSA, Pegawai-pegawai Utama UNISSA, wakil-wakil dari Institusi Pengajian Tinggi, pensyarah-pensyarah, mahasiswa/i dan juga para peserta pertandingan pidato serantau.

Penyalaan lampu meriahkan HAWE

Siaran Akhbar :
Jabatan Pembangunan Masyarakat
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 September. - Sebagai usaha untuk menyokong dan memeriahkan lagi Sambutan Hari Antarabangsa Warga Emas (HAWE) 2024 yang Ke-21 yang disambut setiap 1 Oktober, Negara Brunei Darussalam menyalaikan lampu berwarna Kuning Keemasan (Gold) di beberapa tempat iaitu di Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (SHOAS), bangunan Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja dan bangunan Stadium Negara Hassanal Bolkiah bermula pada 30 September 2024 hingga 1 Oktober 2024, pulak 7.00 malam hingga 12.00 tengah malam.

Penyalaan lampu di Jambatan SHOAS dan bangunan-bangunan ikonik tersebut adalah untuk



NEGARA Brunei Darussalam menyalaikan lampu berwarna Kuning Keemasan (Gold) di beberapa tempat bersempena Sambutan Hari Antarabangsa Warga Emas (HAWE) 2024 yang Ke-21 yang disambut setiap 1 Oktober.

memaparkan warga emas yang meniti usia emas dan warga emas kaya dengan pengalaman dan

sumber pengetahuan yang dapat dimanfaatkan oleh generasi muda sebagai panduan cara hidup.

Justeru itu, orang ramai adalah dijemput untuk mengambil gambar jambatan dan memuat

naik ke dalam media sosial dengan menggunakan hashtag #HAWE2024 atau #IDOP2024.

MEMPERKEMBANGKAN SASTERA DALAM INDUSTRI KREATIF



BERAKAS, Isnin, 30 September.

- Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Sekretariat Mastera Brunei Darussalam mengungkayahkan Seminar Antarabangsa Kesusteraan Asia Tenggara (SAKAT), 2024 selama dua hari bermula hari ini hingga 1 Oktober 2024 bertempat di Balai Sarmayuda, DBP, Berakas.

SAKAT, 2024 merupakan Sidang Ke-28 Mastera selain Festival Teater Mastera (Apresiasi Naskhah Drama) dan Penganugerahan Anugerah Sastera Mastera Ke-7, 2024.

Dengan bertemakan 'Transformasi Sastera dalam Ekonomi Kreatif', seminar ini menampilkan pembentangan-pembentangan dari Negara Anggota Mastera, iaitu Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura serta pembentangan jemputan dari Jerman.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Walsahfiah.

Terdahulu, Pemangku Pengarah DBP, Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit selaku Pengerusi Mastera Brunei Darussalam dalam

TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Seminar Antarabangsa Kesusteraan Asia Tenggara (SAKAT), 2024.

pembentukan industri kreatif yang produktif, kondusif, relevan dan mapan.

Perbincangan juga meliputi sub tema seperti sastera dalam pasaran ekonomi kreatif; perkembangan dan pengurusan sastera dalam platform media baharu; pembangunan aplikasi dan produk sastera dalam domain teknologi baharu; dan peranan elit sastera dan ekonomi dalam pertumbuhan industri kreatif.

Seminar dimulakan pada sebelah pagi dengan pembentangan sesi pertama dan kedua, manakala

pada sebelah petang, diadakan pembentangan sesi ketiga dan ucaptama.

Turut hadir, para perwakilan Negara Anggota Mastera, iaitu Mastera Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura, pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, guru-guru, mahasiswa, penulis-penulis, penggiat dan pencinta bahasa dan sastera tanah air.

Dihasratkan melalui SAKAT yang telah dilaksanakan dapat memantapkan potensi sastera dalam menjana ekonomi dan menjalin hubungan sastera dan budaya dalam lingkungan negara Asia Tenggara, di samping mengetengahkan dan memperkembangkan sastera dalam industri kreatif serta memacu kebolehdayaan Sastera Melayu di tahap pasaran global.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Dk. Nur Hafizah Pg. Osman



PEMBENTANG jemputan semasa menyampaikan pembentangannya pada seminar berkenaan.



Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Kuih Putu Mayang Kampung Sungai Bakong

BAHAN-BAHAN MEMBUAT MEE :
500 gram tepung beras
Air mendidih secukupnya
Sedikit garam

CARA-CARANYA :
Masukkan tepung beras dan garam ke dalam bekas.

Setelah itu masukkan air yang telah mendidih secukupnya dan diuli hingga menjadi seperti doh.

Masukkan ke dalam calak untuk dijadikan mee dan selepas itu mee tadi dikukus sehingga nampak bekilat.

*Nota : Hati-hati semasa mengendali air panas dan semasa

menguli pastikan memakai sarung tangan kalis panas (boleh didapatkan di kedai Aewon).

BAHAN MEMBUAT KUAH PANDAN :

5 helai daun pandan dikisar, ditapis dan diambil airnya kira-kira 800ml
2 biji telur ayam
1 cawan santan pekat
5 sudu makan tepung jagung
1 sudu kecil vanila
5 titik pewarna hijau
Gula secukupnya
Sedikit garam

CARA-CARANYA :
Kacau santan dengan telur

sehingga rata, selepas itu masukkan vanila dan sedikit garam.

Masukkan air pandan yang sudah ditapis dan masukkan tepung jagung, kacau hingga sebat. Pastikan tepung jagung tidak berbiji-biji.

Tapis bahan tadi dan tuang ke dalam belanga lalu didih di atas api yang sederhana. Kacau hingga menjadi pekat.

Setelah bahan menjadi pekat barulah masukkan gula mengikut citarasa sendiri dan masukkan pewarna. Kacau hingga mendidih dan tutup api. Siap untuk dihidang.

PUISI

Bisikan Kepada Cikgu

Cikgu,
dengarlah bisikan ini
yang menitis dari hati
setelah melalui rentang waktu
menjamah ilmu hidanganmu,
di balairung masa dahulu.

Detak detik usahamu
mengangkat kami ketika kami jatuh
menyedarkan kami ketika kami tidur
mendorong kami ketika kami lemah
yang penting
menyinari jalan
ketika kami dipeluk malam bebal
membijaksanakan kami
ketika kami pasrah.

Cikgu,
kau telah membina jalan
untuk kami menuju ke hadapan
yang paling berharga lagi
cikgu hadiahkan kami masa depan.

Eyuman

PUISI

Gejala Mental

KERESAHAN baru dirasakan ialah isu "Gejala Mental." Ia bukan saja merupakan isu dalaman bahkan isu global. Menurut ... Setiausaha Agong PBB, Antonio Gutteres, hampir 1 billion penduduk dunia mengalami gangguan mental. Manakala disebut "penduduk dunia", maka bererti tidak ada lagi sebarang negara yang terkecuali melainkan semuanya turut mengalami krisis mental.

Brunei Darussalam sendiri setakat ini telah merekodkan seramai 13,246 orang sedang dirawat di perkhidmatan psikiatri dan psikologi.

Sementara negara jiran pula menurut sumber media, isu kesihatan mental telah dikaitkan dengan perilaku "bunuh diri" dengan 631 kes telah dilaporkan pada tahun 2020 dan 1,142 kes dilaporkan pada tahun 2021 satu peningkatan serius sebanyak 81 peratus. Jadi berdasarkan ini gejala mental mesti ditangani, ditangani dengan apa?

Ditangan dengan merawatnya. Tetapi sebelum itu, terlebih dahulu perlu dikenal pasti "cara" merawat, adakah cara itu sudah ADA? Jawabnya: Cara biasa memang sudah lama ada, iaitu cara rawatan: Psikiatri dan Psikologi, tetapi dua jenis cara rawatan ini, belum pernah dirumus sebagai berjaya. Jadi kalau begitu, kita masih perlu untuk mencari lagi cara yang lain sebagai gandingan atau pelengkap kepada cara yang sedia ada. Maka ke arah itu perlulah bagi kita untuk memahami bahawa penyakit mental pangkalannya ialah di hati, jika hati sihat maka sihatlah mental, jika hati sakit maka sakitlah mental. Lalu ketika inilah Al-Qur'an dirujuk

untuk mengetahui cerita hati, bawaha hati adalah penentu utama kesihatan mental. Jika hati bergelora tidak tenteram ... itulah tanda mental bermasalah. Lalu apakah cara merawatnya? Alhamdulillah ... cara itu sudah ada ditunjuk oleh Al-Qur'an merawat dengan Zikir sebagaimana Allah berfirman dalam Surah Ar-Ra'd ayat dua puluh lapan tafsirnya: "Ketahuilah! Dengan Zikrullah ... tenang tenteramlah hati-hati." Ya, Al-Qur'an kepala zikir, sama ada ia dibaca atau dihafaz atau ditulis, semua itu berstatus "ZIKIR", menjadi penawar menjadi ubat menjadi penyembuh. Satu contoh benar berlaku – di zaman Sayyidina 'Umar iaitu – Qaisar Maharaja Rom telah mengalami gangguan mental kerana diserang oleh sakit kepala yang luar biasa, sudah habis para doktor para thabit di dalam negeri merawat Raja, namun ... semuanya gagal tidak berjaya. Lalu Raja ... menulis surat kepada Amirulmukminin 'Umar meminta, kalau-kalau di kalangan orang-orang Islam terdapat doktor atau thabit untuk merawat Raja. Tetapi Sayyidina 'Umar tidak menghantar doktor atau mengirim ubat untuk Raja, bahkan hanya menghantar sebuah "songkok" untuk dipakai oleh Raja. Ini saja. Apabila songkok sampai kepada Raja, Raja pun memakainya. Sebaik-baik songkok dipakai, sakit kepada Raja hilang sehingga hilangnya, tetapi manakala songkok dibuka, sakit kepada Raja berulang semula. Perkara ini oleh Raja dibuat berkali-kali, namun natijahnya

tetap sama sahaja: Apabila songkok dipakai sakit kepala Raja hilang dan manakala dibuka sakit kepala Raja berulang. Kejadian ini, mendorong Raja untuk memeriksa apa sebenarnya rahasia yang ada di sebalik songkok? Setelah songkok diperiksa, maka Raja mendapatkan rupa-rupanya, di dalam songkok terdapat secarik kertas BERTULIS: "Bismillahir Rahmani Rahim." Nah, wahai insan, tidakkah ini bukti bahawa Basmalah (Bismillahir Rahmani Rahim) adalah penawar istimewa KHASnya ubat bagi penyakit mental? Ini baru sepotong ayat pendek, Basmalah betapa jika seluruh isi Al-Qur'an 30 juz? Tidak diragukan lagi semuanya adalah:

- Syifaa
- Penawar
- Penyembuh
- Ubat dan
- Rahmat bagi sekalian orang-orang beriman (lihat ayat 81 Surah Al-Isra dan ayat 57 Surah Yunus).
- Maka di sini. sungguh benar titah Raja kita bersempena menyambut 'Idil Adha yang mulia 1444 bersamaan 2023 bahawa Baginda itu mahu, supaya gejala mental dirawat secara bersepada dengan menggunakan rawatan bumi: Psikiatri dan Psikologi, bergandingan dengan rawatan langit terdiri dari ayat-ayat Al-Qur'an, Al-Hadits dan do'a-do'a.

Allahu Akbar!
Allah Maha Besar!


Jika ini terlaksana maka tidak diragukan lagi akan memartabatkan negara kita menjadi negara satu-satunya di dunia, yang mempunyai sistem rawatan mental bersepada (bumi dan langit) yang dirahmati lagi berkat. Jika kita serius, maka hasrat Raja dan hasrat kita semua, insya Allah, akan menjadi kenyataan, AMIN, AMIN, AMIN.

ADI RUMI,
Penerbangan
BSB – HAWAII,
20 September 2024.

KDNK Q2 MENINGKAT 6.0 PERATUS

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR SUKU KEDUA 2024



deps.mofe.gov.bn info.statistics@jpes.gov.bn @statistics.jpes

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Oktober. - Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara pada harga tetap, bagi suku tahun kedua (Q2) 2024, telah meningkat sebanyak 6.0 peratus tahun-ke-tahun.

Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan dalam Sektor Minyak dan Gas sebanyak 7.7 peratus dan Sektor Bukan Minyak dan Gas sebanyak 4.5 peratus.

Peningkatan bagi Sektor Minyak dan Gas adalah didorong oleh pengeluaran minyak mentah, gas asli, dan gas cecair asli (LNG).

Pertumbuhan pengeluaran minyak mentah dan gas asli adalah selaras dengan padang minyak dan gas baru, manakala peningkatan dalam pengeluaran LNG disebabkan oleh bekalan gas yang lebih tinggi.

Sektor Bukan Minyak dan Gas terus menunjukkan perkembangan yang menggalakkan dengan peningkatan subsektor-subsektor seperti Pembuatan Produk Petroleum dan Kimia sebanyak 52.8 peratus, Pengangkutan Udara sebanyak 24.2 peratus, dan Perdagangan Borong dan Runcit sebanyak 2.1 peratus.

Peningkatan bagi subsektor Pembuatan Produk Petroleum dan Kimia adalah terutamanya disebabkan oleh peningkatan pengeluaran produk petrokimia, metanol dan baja urea.

Pertumbuhan bagi subsektor Pengangkutan Udara adalah selaras dengan peningkatan jumlah penumpang udara dan kekerapan penerbangan.

Ini diikuti oleh subsektor Perdagangan Borong dan Runcit yang meningkat selaras dengan aktiviti perdagangan borong, dengan peningkatan jualan

kenderaan bermotor sebagai salah satu faktor penyumbang.

Sumbangan utama KDNK mengikut aktiviti ekonomi adalah Sektor Industri yang menyumbang sebanyak 64.7 peratus, diikuti oleh Sektor Perkhidmatan sebanyak 34.1 peratus dan Sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan sebanyak 1.2 peratus.

Jumlah KDNK Negara Brunei Darussalam pada harga semasa pada Q2 2024 adalah sebanyak BND5.2 bilion berbanding BND4.8 bilion pada Q2 2023.

Sektor Minyak dan Gas telah menyumbang sebanyak 50.3 peratus termasuk aktiviti perlombongan minyak dan gas dan pembuatan LNG dan Sektor Bukan Minyak dan Gas sebanyak 49.7 peratus termasuk aktiviti hiliran seperti pembuatan produk petroleum dan kimia.

Mengikut pendekatan perbelanjaan, pertumbuhan KDNK pada Q2 2024 adalah didorong oleh peningkatan Eksport Barang dan Perkhidmatan sebanyak 37.7 peratus, Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah sebanyak 6.0 peratus, diikuti oleh Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan sebanyak 4.9 peratus.

Walau bagaimanapun, Pembentukan Modal Kasar mencatatkan penurunan sebanyak 12.0 peratus.

KDNK adalah ukuran bagi jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran.

Laporan penuh KDNK Q2 2024 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui deps.mofe.gov.bn.



Menghadapi generasi digital dalam dunia pendidikan

Oleh : Haja Rosidah Haji Ismail

Foto : Jabatan Penerangan

PENGORBANAN dan jasa guru harus sentiasa dikenang kerana peranan mereka begitu penting dalam membangun bangsa dan masyarakat. Justeru bagi mengenang jasa mereka yang telah banyak menabur bakti, maka setiap 23 September akan menjadi tarikh yang dipilih bagi mengiktiraf sumbangan jasa para guru di negara ini. Pada tahun ini, Sambutan Hari Guru diadakan pada 3 Oktober 2024 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas dengan membawa tema 'Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan'.

Guru, pembentuk acuan modal insan

Seorang guru yang berkualiti sudah semestinya memiliki sahsiah yang cemerlang. Tugas mendidik dan melahirkan modal insan yang cemerlang bukanlah suatu perkara yang mudah. Guru harus memiliki jati diri yang jitu untuk menzahirkan akhlak mulia bagi menjadi contoh kepada anak didik mereka. Di samping itu, guru perlu memiliki peribadi yang cemerlang agar dapat menarik perhatian dan menjadi tempat rujukan pelajarnya. Dengan perkataan lain, kunci kepada usaha untuk melahirkan insan berkualiti bergantung kepada kualiti insan guru itu sendiri. Guru yang berjiwa pendidik pasti mampu membimbing pelajarnya untuk memiliki nilai keinsanan dengan kualiti peribadi dan jalinan sosial yang baik.

Sebagai seorang guru, tanggungjawab yang digalas tidaklah ringan. Setiap hari, guru bertanggungjawab untuk membentuk generasi penerus bangsa, memberikan ilmu pengetahuan, serta mendidik sikap dan kelakuan anak pelajar. Kerana itu, tugas sebagai seorang guru tidak boleh dianggap mudah kerana tugas ini memerlukan ketahanan mental serta fizikal. Oleh itu, seorang guru harus memiliki komitmen dan dedikasi yang tinggi agar dapat memberikan yang terbaik bagi pelajar-pelajarnya.

Guru juga boleh diibaratkan sebagai *indung* kepada pelajar kerana sebahagian masa kanak-kanak dihabiskan bersama

dengan guru di sekolah. Di sekolahlah kanak-kanak mempelajari pelbagai benda baru, pengalaman yang diperoleh yang akan terus menjadi pedoman bagi mereka pada masa hadapan.

Seorang guru pula perlu mempersiapkan diri mereka dengan ilmu, ketahanan mental dan fizikal agar dapat membimbing dan mendidik pelajar agar berakhlik mulia, cergas, dan berkelakuan baik. Tetapi kejayaan seorang guru itu ialah apabila dia dapat membentuk generasi penerus bangsa untuk membangun negara.

Siap siaga menghadapi cabaran pelajar

Salah satu aspek penting dalam pengajaran ialah penekanan terhadap pembangunan profesional guru yang bersandarkan kompetensi dan kemahiran yang diperlukan menerusi kepelbagaian program dan latihan pembangunan yang relevan dan berancang.

Mendepani landskap global yang berubah dengan pantas, guru perlu bersedia untuk melahirkan individu yang berdaya tahan bagi menghadapi cabaran di samping memupuk kemampuan berfikir secara kritis, menyelesaikan masalah dan rasional dalam membuat keputusan.

Seorang guru yang berpengaruh dan membawa perubahan positif bagi dunia pendidikan memerlukan kesabaran, empati, kepedulian, dan dedikasi yang tinggi terhadap profesi ini. Seorang guru harus mampu memahami setiap perbezaan pelajar dan memberikan perhatian yang sama kepada setiap pelajar tanpa sebarang pilih kasih.

Memberi inspirasi, motivasi

Seorang guru juga harus mampu memberi inspirasi dan motivasi kepada para pelajarnya agar dapat mencapai potensi terbaiknya. Seorang guru harus memiliki kemampuan untuk mengelola kelas dengan baik, mengelola waktu pembelajaran dengan efektif, dan menerapkan metode pembelajaran yang inovatif. Seorang guru juga harus mampu menciptakan lingkungan belajar yang kondusif, menyenangkan, dan interaktif sehingga para pelajar dapat belajar

dengan optimal.

Dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Sambutan Hari Guru Ke-33, 2023, baginda bertitah bahawa, "Untuk melahirkan insan-insan yang berkualiti ini, tentu sahaja memerlukan para guru yang berkalibar dan inovasi. Oleh itu beta penuh berharap, supaya Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama dapat terus menumpukan usaha bagi meningkatkan kualiti para guru melalui sokongan dasar dan program-program pembangunan kapasiti".

Namun, menjadi seorang guru bukan hanya tentang memiliki keterampilan dan pengetahuan dalam bidang pendidikan, namun juga tentang memiliki integriti dan moral yang tinggi. Seorang guru harus menjadi teladan bagi pelajarnya dalam segala hal, baik dalam perilaku, sikap, maupun cara berpikir. Seorang guru harus mampu menginspirasi dan membimbing pelajarnya agar menjadi individu yang berakhlik mulia, jujur, dan bertanggungjawab.

Transformasi kaedah pengajaran

Arus globalisasi membentuk hala tuju baharu pendidikan dunia. Sehubungan itu, guru perlu mempunyai pengetahuan kandungan pedagogi abad Ke-21 kerana dalam bilik darjah, guru memainkan peranan aktif dalam pengajaran dan pembelajaran untuk mengubah tingkah laku pelajar. Ini kerana banyak negara berusaha menampilkan kepentingan kemahiran ini dalam dasar dan rancangan pendidikan mereka. Sistem pendidikan seluruh dunia semakin menekankan pelbagai kemahiran dalam kurikulum, demi mempersiapkan pelajar menghadapi cabaran kompleks abad Ke-21.

Dalam mendepani globalisasi di mana pendidikan terus berubah mengikut trend, para guru sama-sama memainkan peranan ke arah memastikan kejayaan sepenuhnya transformasi digital yang diterokai dalam sistem pendidikan negara.

Para pelajar hari ini memerlukan lebih

banyak pemahaman dalam pelbagai perkara untuk berjaya dalam zaman yang pesat berubah. Disebabkan itu, pembelajaran secara kolaboratif amat penting. Peranti mudah alih seperti komputer riba, telefon pintar, tablet dan pelbagai alatan ICT lain boleh dijadikan platform meningkatkan pembelajaran kolaboratif. Pelajar perlu dide dahkan penggunaan teknologi dalam cara inovatif untuk menyediakan mereka dalam dunia dinamik dan sentiasa berubah-ubah. Sehubungan itu, kemudahan ICT, termasuk media sosial dan alatan digital lain perlu dimanfaatkan.

Bagi meraih potensi teknologi digital masa kini, para guru hendaklah sentiasa komited dalam usaha meningkatkan kompetensi dan pengetahuan serta memperkasa kemahiran selaras dengan perubahan sistem pendidikan tempatan dan antarabangsa. Transformasi digital dalam pendidikan telah menyediakan platform yang sesuai sebagai alternatif kepada para guru untuk meneroka pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran berdasarkan teknologi yang canggih dan terkini.

Penyediaan infrastruktur teknologi yang berbentuk digital menjadi salah satu keutamaan bagi membantu meningkatkan kualiti para guru dan pemimpin sekolah di semua peringkat pendidikan. Usaha ini dihasratkan akan meningkatkan pencapaian akademik pelajar dengan melahirkan individu cemerlang, berbakat dan berkemahiran tinggi seterusnya memberikan sumbangan yang positif bagi merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Kesimpulannya, keperluan dalam memacu transformasi pendidikan dari peringkat awal kanak-kanak sehingga ke peringkat pengajaran tinggi memerlukan para guru untuk sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan sesuai dengan tuntutan kemahiran abad Ke-21 agar terus berupaya menelusuri arus perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan dari semasa ke semasa. Generasi digital pada masa kini setentunya akan dapat beradaptasi dengan perubahan dalam dunia pendidikan yang semakin mencabar yang akan menjadikan mereka lebih inovatif dan kreatif.



TANAI TANGGUNGJAWAB, AMANAH MELAKSANAKAN TUGAS

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad



AWANG Faidhilah bin Haji Majit dari Jabatan Sekolah-Sekolah.

BERAKAS, Isnin, 30 September. - Para penerima Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) dan penerima Anugerah Kaktungan Berjasa dan Berbakti Perkhidmatan Awam (AKB²PA) bagi tahun 2024, menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas perkenan penganugerahan yang mereka terima pada Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-31 Tahun 2024, di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Salah seorang penerima APCPA, Posmen Tingkat Khas Bahagian IV, Awangku Mohd. Hashim bin Pengiran Lela Negara Pengiran Haji Mohamad dari Jabatan Perkhidmatan Pos, Kementerian

Pengangkutan dan Infokomunikasi, melahirkan perasaan gembira dengan pengiktirafan yang diberikan.

Awangku Mohd. Hashim, 47 tahun, yang telah berkhidmat selama 17 tahun seterusnya berharap agar anugerah tersebut dapat meningkatkan semangat untuk berusaha dengan lebih gigih bagi memberikan kualiti kerja yang lebih baik.

"Kata-kata motivasi bagi rakan-rakan dan staf yang lain ialah membuat kerja lebih ikhlas kerana Allah Subhanahu Wata'ala dan sering bantu membantu bagi menanai nama jabatan dan negara," ujarnya lagi.

Beliau turut menyentuh mengenai cabaran yang dihadapi iaitu berhadapan dengan orang ramai untuk menangani masalah yang timbul daripada penyerahan surat, dan cara menangani ini adalah dengan bersabar dan meneliti setiap masalah yang dihadapi sebelum membuat tindakan.

Perancangan utama setelah menerima anugerah tersebut pula katanya ialah memberi semangat untuk rakan-rakan sekerja untuk bekerja lebih gigih dan dedikasi.

Sementara itu, Penolong Pegawai Projek Tingkat I Bahagian III, Dayang Zurainah



AWANGKU Mohd. Hashim bin Pengiran Lela Negara Pengiran Haji Mohamad dari Jabatan Perkhidmatan Pos, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

binti Haji Awang Abdul Rahman, 41 tahun, mengongsikan perasaan sangat terharu dan berterima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas penganugerahan APCPA itu.

Jasa bakti berkhidmat di Kementerian

Pembangunan ini tambahnya, sangat dihargai dan berazam untuk lebih bersemangat serta berusaha untuk meningkatkan mutu dan kualiti kerja dari semasa ke semasa.

Menurutnya lagi, bagi memajukan diri dan kementerian pula, apa yang penting ialah untuk terus memberikan sumbangan jasa bakti dan memberikan manfaat bukan sahaja untuk diri sendiri tetapi juga untuk kementerian.

Sarannya kepada rakan-rakan yang lain ialah untuk menanam sikap ikhlas kerana hanya mengharapkan keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala, dan tidak mengharapkan penilaian manusia, disamping kekal positif ketika menghadapi cabaran, berdisiplin, semangat berpasukan



PENOLONG Pegawai Projek Tingkat I Bahagian III, Dayang Zurainah binti Haji Awang Abdul Rahman.

dan paling penting mengutamakan syariat agama dalam kehidupan.

Antara cabaran yang dihadapi jelasnya adalah masa kerana ia merupakan 'musuh' dalam menjalankan tugas, bila kita terpaksa melakukan *multi-tasking work*, kita perlu berusaha untuk menanganinya dengan membahagikan masa dan jika terpaksa, perlulah meminta bantuan dari rakan setugas.

"InsyaAllah saya akan terus berusaha memperbaiki mutu kerja dan memberikan dorongan motivasi serta inspirasi kepada rakan setugas untuk memperbaiki produktiviti kerja," ujarnya lagi.

Sementara itu, Ketua Pembantu Teknik Bahagian III, Awang Faidhilah bin Haji Majit dari Jabatan Sekolah-Sekolah pula melahirkan perasaan gembira dan juga sedih kerana kehilangan kedua ibu bapa tetapi tetap bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas pengurniaan anugerah tersebut.

Dari segi sumbangan katanya, beliau akan berusaha melakukan lebih baik lagi dan berharap untuk melaraskan lagi kepada kawan-kawan yang lain.

Awang Faidhilah yang telah berkhidmat selama lebih 15 tahun, juga mengongsikan antara tugas yang dilaksanakan ialah membuat sistem dan dalam masa yang sama juga membuat video dan multi-media seperti hari guru dan hari persaraan.

Beliau turut menyarankan agar para penjawat awam untuk menjalankan tugas masing-masing walaupun di luar bidang



DAYANG Rosbah binti Masri dari Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

tugas mereka.

Tambahnya lagi, amanah bekerja adalah penting, bukan hanya untuk diri sendiri dan jangan 'menindih' orang lain serta ikhlas semasa bekerja.

Manakala, bagi penerima AKB²PA, Dayang Rosbah binti Masri, 57 tahun, dari Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, menzahirkan rasa syukur dan puji atas penganugerahan ini dan berterima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan anugerah yang diterima itu.

Dayang Rosbah yang telah berkhidmat selama 28 tahun sebagai pembersih, menyarankan agar para penjawat awam yang lain untuk sentiasa mematuhi arahan dari siapa sahaja yang harus dipatuhi, dan mendisiplinkan diri untuk patuh pada etika kerja perkhidmatan awam.

"Cabaran bagi diri saya apabila diberikan tugas untuk memangku jawatan kerani, pembantu pejabat dan juga paling berharga dalam diri saya apabila dilibatkan dalam Ahli Jawatankuasa Anugerah Hari Belia Kebangsaan. Dan alhamdulillah saya diberikan tugas yang cukup mencabar di mana kami harus menyimpan rahsia siapakah pemenang-pemenang Anugerah Hari Belia sehingga keputusan diumumkan. Kuncinya kita mestilah jujur dan amanah dalam melaksanakan tugas sehari-hari," jelasnya lagi.

Dengan adanya AKB²PA ini katanya, beliau akan terus berbakti dan akan meningkatkan lagi mutu kerja kepada negara selagi diperlukan.



ALAI PINTAR

SOALAN 134

SOALAN 02 OKTOBER 2024, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan

1. Berikan maksud pepatah : Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.
a) Selalu berwaspada dan berhati-hati
b) Hendaklah kita menurut adat dan aturan di tempat yang kita diamai
c) Orang miskin harus bekerja setiap masa

2. Antara berikut yang manakah kuih tempatan?
a) Penyaram
b) Puding Caramel
c) Kek Keju

3. Apa maksud Bahasa Brunei "Usin".
a) Wang
b) Meja
c) Buku

TARIKH TUTUP : 12 OKTOBER 2024

HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK SEORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.

2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER SAMIMA SDN BHD BERNILAI **BND40.00**

PEMENANG ALAI PINTAR 133

Nama : Nur Izlynn Sofia binti Mohd. Zamri
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0124560-01. Sekolah : Sekolah Rendah Pintu Malim

Nama : Mohammad Zafri Hamdy bin Abdullah
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0118012-07. Sekolah : Sekolah Rendah Pintu Malim

Nama : Farisya Amelia binti Muhd. Hassani
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0128165-01. Sekolah : Sekolah Rendah Rimba II

SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan

2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :

- Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
- Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
- Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
- Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.

3. Alai juga boleh menggambarkan jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian **+673 7293554** atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn

4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
Tarikh Lahir :
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :

Sekolah :
Tahun :
Alamat :

Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 133

1. C – Bandar Seri Begawan
2. B – Selalu bergerak dengan cepat
3. A – 22 196

ANGKA KEMATIAN AKIBAT TAUFAN HELENE MENINGKAT KEPADA 93 DI TENGGARA AS

MOSCOW, 30 Sept. - Taufan Helene meragut sekurang-kurangnya 93 nyawa di tenggara Amerika Syarikat (AS), lapor Sputnik, memetik CNN pada Isnin.

Pada pagi Ahad, jumlah kematian 65 orang.

Kematian direkodkan di Carolina Selatan, Georgia, Florida, Carolina Utara, Virginia dan Tennessee.

Sehingga petang Ahad, hampir 2.1 juta pelanggan masih mengalami gangguan bekalan elektrik di negeri berkenaan, menurut laman web PowerOutage.us.



lewat Khamis dan menjadi ribut tropika pada Jumaat.

Lewat Sabtu, Agensi Pengurusan Kecemasan Persekutuan AS berkata ia mengerahkan lebih 3,200 pekerja untuk menyertai operasi menyelamat dan mengurangkan kesan bencana. - ©BERNAMA

Jurutera Qantas beri amaran gangguan penerbangan susulan mogok

SYDNEY, 30 Sept. - Rakyat Australia diberi amaran mengenai kemungkinan gangguan penerbangan selepas jurutera Qantas, syarikat penerbangan nasional Australia, menghentikan kerja di lapangan terbang di seluruh negara berikutan pertikaian gaji, lapor Xinhua.

Lebih 1,000 jurutera yang bekerja dengan Qantas di lapangan terbang utama di Sydney, Melbourne, Brisbane, Perth, Adelaide dan Canberra pada pagi Isnin mengadakan mogok sebagai sebahagian daripada tindakan industri yang menuntut kenaikan gaji.

Qantas ialah syarikat penerbangan nasional Australia dan

syarikat penerbangan terbesar di negara itu. Pada Ogos, syarikat itu melaporkan keuntungan sebanyak A\$1.25 bilion (US\$864.5 juta) bagi tahun kewangan 2023-24.

Perikatan Jurutera Qantas, mewakili jurutera yang menganggotai beberapa kesatuan sekerja, menyatakan pada Ahad bahawa penerbangan antara bandar berkemungkinan akan terjejas dengan ketara akibat tindakan mogok itu.

Perikatan itu menuntut perjanjian perusahaan baharu dengan kenaikan gaji 15 peratus untuk tahun pertama diikuti kenaikan 5 peratus bagi tahun-tahun berikutnya.

"Ini adalah pekerja yang

memastikan anda sampai dengan selamat. Kami memeriksa pesawat untuk memastikan semuanya selamat sebelum berlepas," kata Steve Murphy, ketua Kesatuan Pekerja Pembuatan Australia (AMWU) kepada televisyen Seven Network pada Isnin.

Mogok pada Isnin adalah yang kedua dalam siri mogok yang dirancang oleh para jurutera selepas mogok di lapangan terbang Melbourne pada Khamis lalu.

Jurucakap syarikat penerbangan itu pada Ahad menyatakan Qantas mempunyai rancangan kontingensi dan tidak menjangka tindakan mogok itu akan memberi kesan kepada pelanggan atau rancangan perjalanan mereka. - ©BERNAMA

New Zealand cipta rekod dunia haka Maori terbesar, rampas semula gelaran

WELLINGTON, 30 Sept. - New Zealand berjaya merampas semula rekod dunia bagi haka terbesar, dengan ribuan orang mempersembahkan tarian tradisional Maori di Auckland, lapor Agensi Berita Jerman dpa.

Penganjur berkata 6,531 orang mempersembahkan haka paling terkenal di negara itu, Ka Mate, pada petang Ahad.

"Apa yang bermula sebagai idea berani setahun lepas untuk menuntut semula rekod itu kini telah menjadi kenyataan. Banyak yang dipertaruhkan," kata penganjur Hinewehi Mohi,

Rekod sebelumnya dipegang oleh 4,028 orang dari Perancis pada 2014.

Haka berasal dari mitologi Maori dengan wiri-wiri, pergerakan tangan yang bergetar dan gerak isyarat badan yang dilihat dalam haka, menyerupai ombak apabila haba naik dari bumi.

Haka adalah cara lazim untuk mengalau-alukan puak yang melawat tetapi ia juga dilakukan untuk menyediakan pahlawan untuk berperang.

Hari ini, haka dipersembahkan pada majlis-majlis penting termasuk acara sukan, pengebumian,

perkahwinan, graduasi dan upacara alu-aluan.

"Haka merupakan bahagian penting dalam budaya kami dan mengembalikan mana (kuasa rohani) rekod dunia ini daripada Perancis dan kembali ke tanah asalnya dan memastikan ia dilakukan dengan betul dan dengan integriti adalah penting," kata Mohi.

"Acara bersejarah ini telah membolehkan kami memamerkan warisan budaya kami yang kaya kepada dunia dan mengukuhkan hubungan mendalam yang kita semua kongsi." - ©BERNAMA

China perkenal dasar baharu stabil pasaran hartanah

BEIJING, 30 Sept. - Dalam usaha untuk menstabilkan pasaran hartanah, Bank Rakyat China dan Pentadbiran Kawal Selia Kewangan Kebangsaan mengumumkan beberapa langkah pada Ahad, lapor Xinhua.

Dasar ini bertujuan untuk menangani cabaran berterusan dalam sektor hartanah, termasuk merangsang permintaan, mengurangkan tekanan kewangan ke atas pemaju dan menggalakkan pertumbuhan mampan dalam pasaran perumahan.

Kadar gadai janji untuk rumah pertama, rumah kedua dan seterusnya perlu dikurangkan sekurang-kurangnya 30 mata asas di bawah kadar utama

pinjaman (LPR) menjelang 31 Okt 2024, untuk meringankan beban kewangan pemilik hartanah. Secara prinsip, 18 bank komersial nasional perlu membentangkan rancangan pelarasan mereka sebelum 12 Oktober.

Kadar bayaran pendahuluan minimum untuk gadai janji perumahan komersial individu akan diturunkan kepada tidak kurang daripada 15 peratus bagi pembelian rumah pertama dan kedua.

Mekanisme penetapan harga bagi kadar faedah gadai janji perumahan komersial individu akan diperhalusi supaya kadar boleh diselaraskan secara dinamik berdasarkan perjanjian antara peminjam dan bank. - ©BERNAMA

Bank pusat akan meningkatkan pemberian untuk institusi kewangan jika mereka mengeluarkan pinjaman untuk menyokong perusahaan milik negara tempatan memperoleh perumahan komersial siap yang belum terjual pada harga yang berpatutan untuk digunakan sebagai perumahan mampu milik.

Di samping itu, beberapa dasar kewangan untuk pasaran hartanah akan dilanjutkan. Pelbagai langkah rangsangan ini dibuat selepas mesyuarat Biro Politik Jawatankuasa Pusat Parti Komunis China baru-baru ini menggariskan usaha untuk membalikkan kemerosotan dan menstabilkan pasaran hartanah. - ©BERNAMA

Kapal angkasa bawa angkasawan Rusia, AS tiba di ISS

LOS ANGELES, 29 Sept. - Kapal angkasa SpaceX Crew-9 Dragon berlabuh dengan Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) pada Ahad, lapor Xinhua.

Kapal angkasa itu dilancarkan menggunakan roket Falcon 9 SpaceX dari Cape Canaveral Space Force Station di Florida, Amerika Syarikat pada Sabtu, dan berlabuh dengan ISS pada 5.30 petang Waktu Timur (2230 GMT) Ahad.

Misi yang diberi kod nama "Crew-9" ini membawa angkasawan NASA, Nick Hague dan angkasawan Roscosmos, Aleksandr Gorbunov ke ISS. Ia merupakan misi penggiliran kru komersial kesembilan NASA dengan SpaceX.

Anggota Crew-9 akan menjalankan lebih 200 penyelidikan, melibatkan kajian pembekuan darah, kesan kelembapan terhadap tanaman di angkasa dan perubahan penglihatan dalam kalangan angkasawan, menurut NASA.

Kapal angkasa itu dijangka pulang ke Bumi pada Februari tahun hadapan bersama angkasawan Crew-9, serta dua angkasawan NASA iaitu Suni Williams dan Butch Wilmore. Williams dan Wilmore terkandas di ISS sejak Jun selepas Boeing Starliner mengalami kerosakan. - ©BERNAMA

Ketua PBB gesa tingkat dana bantuan kemanusiaan di Ukraine menjelang musim sejuk

ISTANBUL, 30 Sept. - Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Antonio Guterres pada Ahad menekankan keperluan mendesak untuk meningkatkan dana bagi menyokong usaha kemanusiaan di Ukraine menjelang musim sejuk.

Dalam catatan di platform X, Guterres berkata PBB bersama rakan kongsinya, menyampaikan "bantuan menyelamatkan nyawa" kepada lebih 6.2 juta orang di Ukraine tahun ini.

Bagaimanapun, beliau memberi amaran bahawa pada masa ini "kurang daripada separuh Pelan Tindak Balas Kemanusiaan 2024 dibayai."

"Saya menggesa penderma untuk membantu kami meneruskan kerja penting kami di lapangan," kata Guterres, menekankan kepentingan sokongan berterusan menjelang musim sejuk yang mencabar.

Gesaan untuk bertindak itu dibuat di tengah-tengah keimbangan yang semakin meningkat mengenai kesan konflik yang berterusan terhadap penduduk di Ukraine, apabila Rusia meneruskan "operasi ketenteraan khas" sejak Februari 2022. - ©BERNAMA

192 disahkan maut dalam bencana banjir dan tanah runtuh di Nepal

KATHMANDU, 30 Sept. - Jumlah kematian akibat banjir dan tanah runtuh yang dicetuskan oleh hujan berterusan di Nepal, meningkat lagi kepada 192 orang menjelang pagi Isnin, lapor Xinhua. Bencana dahsyat itu telah menyebabkan 30 orang hilang dan 194 yang lain cedera, kata Rishiram Tiwari, jurucakap kementerian dalam negeri.

"Lebih 4,500 orang yang terjejas telah diselamatkan setakat ini. Pasukan keselamatan masih meneruskan usaha menyelamat penduduk," katanya kepada Xinhua.

Tiwari berkata kerajaan mempercepatkan pengagihan bahan bantuan termasuk makanan, kepada mereka yang kehilangan tempat tinggal dalam bencana yang dicetuskan oleh hujan berterusan pada Jumaat dan Sabtu.

Menurut data kerajaan, 1,327 rumah individu musnah dan 19 lebu raya utama di seluruh Nepal rosak. Pasukan keselamatan digerakkan untuk membersihkan lebuh raya yang terhalang. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



PUPUK SEMANGAT HARMONI, SILATURAHIM MELALUI KEJOHANAN BADMINTON |

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan semasa bergambar ramai bersama para pemenang pada perlawanan Peringkat Akhir Kejohanan Badminton sempena Sambutan Hari Guru Ke-34, Tahun 2024 yang berlangsung di Dewan Pusat Belia (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Oktober. - Awang Fadzillah Haji Mohd. Seruddin muncul juara bagi Perseorangan Lelaki Terbuka setelah menewaskan Awang Mohammad Arif Haji Mohd. Seruddin sekali gus meraih naib juara, manakala Awang Mohammad Hazmi Rafiuddin Abd. Rahman dan Awang Mohd. Zuno Kartono Haji Ali, masing-masing menduduki tempat ketiga bersama pada Peringkat Akhir Kejohanan Badminton sempena Sambutan Hari Guru Ke-34, Tahun 2024 yang berlangsung di Dewan Pusat Belia.

Sementara itu, bagi Beregu Lelaki B2 dan Ke Atas, juara disandang oleh Awang Haji Md. Ishak Haji Ahmad dan Awang Md. Zuno Kartono Haji Ali, manakala naib juara

ialah Awang Hamdi Effandi dan Awang Md. Hasrul Izzat Haji Abd. Wahab. Tempat ketiga dimenangi bersama milik Awang Md. Menghendrawadi Haji Na'im dan Awang Md. Zulfadli Zainidi; serta Awang Md. Harddi Haji Puasa dan Awang Zulfika Haji Ali Hassan.

Bagi Bergu Lelaki C3 dan Ke Bawah, juara disandang oleh Awang Hasli Othman dan Awang Md. Hasan Din Haji Untong, manakala naib juara menjadi milik Awang Ahmad Nabil Haji Yahya dan Haji Awang Md. Noor Fadhlullah Haji Awang Md. Yusof. Sementara Awang Fadzillah Haji Mohd. Seruddin dan Awang Md. Arif Haji Mohd. Seruddin; serta Dennis Wee Vui Jin dan Awang Md. Noor Haji Hassan, masing-masing berada tempat ketiga bersama.

Hadir menyaksikan perlawanan peringkat akhir berkenaan dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang, Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Chin Wei Keh.

Kejohanan Badminton berkenaan merupakan salah satu aktiviti sukan dan riadah yang dianjurkan untuk menyemarakkan dan memeriahkan lagi Sambutan Hari Guru Ke-34, Tahun 2024.

Seramai 118 peserta lelaki dan 38 peserta perempuan menyertai kejohanan berkenaan yang dibukakan kepada para pegawai dan kakitangan termasuk tenaga pengajar yang sedang berkhidmat di Kementerian Pendidikan dan Kementerian

Hal Ehwal Ugama (KHEU), iaitu bagi Jabatan Pengajian Islam, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Antara tujuan kejohanan berkenaan adalah untuk menggalakkan warga Kementerian Pendidikan dan KHEU untuk bergiat aktif serta berdaya saing dalam sukan, selain ia diharap dapat memupuk semangat harmoni dan silaturahim dalam kalangan kedua-dua kementerian berkenaan.

Kejohanan Badminton dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan selaku Jawatankuasa Acara-acara Sukan bagi Sambutan Hari Guru Ke-34, Tahun 2024.

Almerez Hitune FC ditubuhkan

Berita dan Foto :
Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin



MAJLIS Penandatanganan Perjanjian penubuhan pasukan futsal Almerez Hitune FC berlangsung di Pejabat Hitune Group of Companies, Kampung Mata-Mata.

GADONG, Selasa, 1 Oktober. - HiTUNE Group of Companies dan Almerez FC akan membentuk pasukan futsal Almerez Hitune FC yang akan menyertai persaingan pada kejohanan Brunei Futsal League (BFL) 2024/25 yang akan membuka tirai kejohanan pada 5 Oktober nanti.

Sehubungan itu, Majlis Penandatanganan Perjanjian penubuhan pasukan berkenaan berlangsung di Pejabat Hitune Group of Companies, Kampung Mata-Mata, di sini.

Menandatangani bagi pihak HiTUNE Group of Companies ialah Ketua Pegawai Eksekutif HiTUNE Group of Companies, Dayang Hernah Nur Imani bin Muhd. Jeffrey, yang disaksikan

Pengarah Urusan Hitune Group of Companies, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang.

Sementara, pihak Almerez pula diwakili oleh Awang Haji Muhammad Abdul Azim bin Haji Zakaria dan Pengiran Amirul Mustaqim bin Pengiran Omar.

Menerusi perjanjian berkenaan, kedua belah pihak akan saling bekerjasama dan memainkan peranan untuk menyokong satu sama lain dalam memacu kecemerlangan pasukan futsal Almerez Hitune FC untuk mencapai kecemerlangan dalam sukan futsal.

Dayang Hernah Nur Imani menjelaskan perjanjian berkenaan merupakan langkah bagi menyokong salah satu kelab futsal terbaik di Negara Brunei

Darussalam dalam usaha untuk mencapai kecemerlangan serta membantu program-program pembangunan futsal pada masa hadapan sekali gus untuk melahirkan lebih ramai pemain futsal yang berpotensi mewakili negara di peringkat serantau dan antarabangsa.

"Kami yakin dengan komitmen yang jitu dari semua pemain serta pengurusan pasukan, skuad Almerez Hitune FC akan mampu bersaing dengan cemerlang pada BFL 2024/25," jelasnya lagi.

Serentak dengan itu, seramai 23 pemain, jurulatih dan pegawai pengurusan yang terpilih juga menandatangani kontrak perjanjian sebagai pemain pasukan Almerez Hitune FC.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

MEMUTUSKAN HUBUNGAN SILATURAHIM MERUPAKAN DOSA BESAR